



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

ENCIK ABDUL HALIM BIN YAZID

TOKOH DIKIR BARAT

OLEH:

NOR AMELIA RAHIM

2012862174

NUR HASYIMAH BINTI YAHYA

2011661438

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ABDUL HALIM BIN YAZID
TOKOH DIKIR BARAT

OLEH:

NOR AMELIA RAHIM

2012862174

NUR HASYIMAH BINTI YAHYA

2011661438

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T.H,

Alhamdulillah syukur kami ke hadrat Ilahi Tuhan yang Maha Esa yang telah menciptakan langit dan bumi serta sekalian isinya yang telah memperkenankan dan mempermudah kami melaksanakan dan menyiapkan projek sejarah lisan iaitu subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) ini dalam waktu yang ditetapkan dengan hasil yang dapat dipersembahkan sekarang.

Buat pensyarah kami Puan Nor Kamariah Binti Chik yang sentiasa dekat di hati kami, yang sentiasa mempunyai masa dan memberikan ruang kepada pihak kami untuk mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar tentang apa itu sejarah lisan dan bagaimana melaksanakannya dengan berjaya dan berkesan. Segala tunjuk ajar, nasihat, teguran, perkongsian pengalaman dan ilmu yang telah diberikan akan sentiasa memenuhi ruang minda kami, tanpa tunjuk ajar dan bimbingan secara berterusan tidak mungkin projek ini dapat dihasilkan dengan berjaya. Terima kasih Puan Nor Kamariah Binti Chik.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada tokoh pilihan kami Encik Halim Yazid yang telah sanggup meluangkan masa, meluahkan rasa, menyatakan pendapat dan pandangan serta berkongsi segala macam pengalaman pahit dan manis sepanjang beliau terlibat dalam dunia dikir barat. Segala jasa dan sumbangan dari Encik Halim Yazid tidak akan pihak kami lupakan dan akan sentiasa hidup di dalam sanubari dan ingatan kami sekalian. Walaupun hanya sekejap masa yang diluahkan bersama ketulusan dan keikhlasan dalam

menjayakan rakaman ini tersangatlah menyentuh perasaan pemikiran kami. Terima kasih Encik Halim Yazid.

Kepada semua ahli keluarga kami terutama ayah, ibu dan adik beradik yang dicintai dan dikasihi terima kasih kerana sudi menghadiahkan kesabaran sepanjang pihak kami sibuk menjalankan tugas ini. Segala pengorbanan dan kesabaran dari anda semua akan terpahat di sanubari ini. Terima Kasih

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Penghargaan.....	i
Abstrak	vi
Biodata Tokoh	viii
Pengenalan	xi
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1-22
Bahagian B: Pengalaman Berdikir.....	22-72
Bahagian C: Pencapaian dan Anugerah.....	72-88
Lampiran	
Index.....	103-106
Rujukan.....	108
Surat kebenaran.....	109
Surat Perjanjian.....	110
Senarai soalan.....	90-97
Gambar.....	111
Sijil penghargaan.....	112

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Rakaman ini adalah temubual bersama dengan tokoh dalam bidang dikir barat iaitu Encik Halim Yazid atau lebih mesra dengan panggilan Encik Halim yang tersohor dengan lagu dikir Anak Tupai. Rakaman ini diadakan di Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan pada 15 Oktober tahun 2013. Rakaman ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan Encik Halim Yazid sepanjang beliau menjadi seorang pendikir barat yang tersohor di Malaysia. Sepanjang rakaman ini diadakan Encik Halim Yazid telah menceritakan tentang latar belakang dirinya, latar belakang keluarganya, latar belakang pendidikannya, bagaimana dia boleh meminati dan terlibat dalam dunia dikir barat, siapa yang menjadi pendorong, pencapaian beliau sepanjang menjadi pendikir barat, nasihat dan perkongsian ilmu tentang bagaimana untuk menjadi seorang pendikir barat dan pelbagai pandangan dan isu-isu semasa yang dilihat dan diberikan penerangan dari kaca mata beliau. Rakaman ini mengambil masa lebih kurang dua jam tujuh belas minit untuk disiapkan dan sepanjang tempoh tersebut Encik Halim Yazid telah memberikan sepenuh perhatian dan kerjasama bagi menjayakan rakaman ini.

Kata Kunci : *Encik Halim Yazid, Dikir Barat, Pendikir Barat, Anak Tupai*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Abdul Halim Bin Yazid

Asal : Kampung Cangal Pasir Puteh Kelantan

Tarikh Lahir : 25 October 1960

Umur : 53

Bangsa : Melayu

Pekerjaan : ❖ Pegawai Kebudayaan (bahagian hal ehwal pelajar Universiti Malaya)
❖ Pendidik Barat

Status : Berkahwin

Bilangan anak : 8 orang

Nama isteri : Nor Mahani Binti Ahmad

Pendidikan :

- ❖ Sekolah Kebangsaan Cangal, Pasir Puteh
- ❖ Sekolah Menengah Rendah Pasir Puteh
- ❖ Sekolah Menengah Kamil (tingkatan 6)
- ❖ Universiti Malaya (degree)

PENGENALAN

PENGENALAN

Pernahkah anda mendengar di corong-corong radio lagu-lagu dikir yang memukau pendengaran anda? Dengan rentak irama yang merdu, lirik yang bermakna serta lagu yang mampu menarik minat setiap pengemar dikir yang sedap didengar. Lagu-lagu dikir yang didendangkan seperti kata perpatah “*tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan*” sentiasa mempunyai nilai-nilai murni yang diselitkan oleh penciptanya untuk halwa telinga peminat-peminat dikir. Tidak lagi lagu-lagu dikir ini hanya dipentaskan dan dipersembahkan di mana-mana pentas sahaja, *tetapi* makin luas sebarannya melalui corong-corong radio dan televisyen. Tahukah anda suara dan ilham siapakah yang berkumandang dalam lagu-lagu dikir di corong radio setiap kali frekuensi dicari? Pemilik suara dan ilham yang didengari di corong-corong radio adalah individu yang bergelar seorang pendikir barat.

Apakah sebenarnya pendikir barat? Pendikir barat umumnya lahir dengan bakat dikir yang semulajadi, dan diselaraskan dengan mempunyai tahap ilmu pengetahuan yang tinggi. Ironinya, seorang pendikir barat itu bertindak sebagai medium pengantara bagi pendengar melalui hasil karya pendikir menerusi penerapan nilai-nilai murni dan tauladan yang baik iaitu melalui liriknya. Jadi, disini dapat dilihat betapa pentingnya peranan seorang Pendikir barat itu sendiri. Setiap Pendikir barat menngetahui peranan dan bidang tugas mereka agar apa yang disampaikan dapat dihayati dan ditelusi oleh pendengar dan pengemar lagu-lagu dikir sekaligus dapat menghidupkan kembali pentas dikir dengan dendangan lagu-lagu dikir yang penuh penerapan nilai-nilai murninya.

Pendikir barat turut berjaya memainkan peranan mereka melalui lagu-lagu dikir yang mampu menarik minat generasi muda menceburi diri dalam pentas dikir agar muzik tradisional yang

wujud dari bahagian pantai timur Malaysia ini sentiasa mekar dan tidak luput ditelan dek arus kemodenan. Hal ini adalah kerana isi dalam karya iaitu lirik-lirik lagu dikir barat secara lisan adalah cara pujukan yang lebih berkesan dalam menarik minat seseorang dan sebagai medium untuk menyebarkan nilai-nilai murni kepada pendengar.

Walaupun tugas sebagai pendikir barat kelihatan mudah dengan hanya perlu menyanyikan lagu di pentas dikir *tetapi* itu hanyalah pandangan tipikal yang tidak benar sama sekali. Tugas dan peranan pendikir barat sebenarnya berat; tidak hanya mendendangkan lagu mengikut irama dan lagu, *tetapi* sebenarnya pendikir barat memegang amanah untuk menyampaikan apa yang sepatutnya disampaikan melalui isi dalam lirik lagu tersebut agar pendengar menghayati dan menerima isi setiap lagu dikir yang didendangkan. Penyampaian pula harus selari dengan kosa kata yang berilmiah. Setiap lirik haruslah terselit mesejnya buat pendengar.

Dikir Barat merupakan satu persembahan negeri Kelantan dan pantai timur yang disampaikan secara berkumpulan. Setiap kumpulan biasanya diketuai oleh seorang Tukang karut dan Tok Juara. Tukang karut dan Tok Juara akan mendahului nyanyian Sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Dikir Barat adalah suatu permainan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Ianya wujud di kalangan masyarakat biasa di kampung kampung dan pinggir bandar. Dikir barat ini boleh dipersembahkan sebagai hiburan atau dipertandingkan. Permainan ini biasanya dimainkan oleh masyarakat di musim menuai padi dan juga di majlis perkahwinan. Pertandingan selalunya diadakan oleh persatuan-persatuan belia tempatan, badan-badan kerajaan ataupun orang-orang tertentu untuk mengutip wang.

Dikir Barat adalah permainan yang baru jika dibandingkan dengan teater tradisional yang lain. Perkembangannya sukar diatasi kerana ianya sering menerima perubahan dari bentuk persembahannya dari masa ke semasa mengikut perkembangan zaman. Perkataan Dikir ialah hasil dari dua kombinasi seni iaitu Dikir dan pantun atau dikir dan karut. Pengertian "Karut" itu sendiri ialah dari istilah mengarut dalam bentuk pantun atau syair. Jadi Dikir Barat, Dikir Karut, Dikir Pantun dan Dikir Syair adalah sama ertinya. Walaubagaimanapun di Kelantan ianya lebih terkenal dengan Dikir Barat dan di Selatan Thailand dengan Dikir Karut.

TRANSKRIP

Petunjuk

HY : Halim Yazid

NR : Nor Amelia

NH: Nur Hasyimāh

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

AR : Assalamualaikum, Saya Nor Amelia Rahim dan ini kawan saya.

NH : Nur Hasyimah binti Yahya

AR : (Bunyi air mengalir) Kami dari UiTM [Universiti Teknologi Mara] Machang Kelantan dari *course* [kursus] IM225 fakulti Sains Sistem tahun akhir. Kami perlu membuat wawancara untuk subjek pendokumentasian sejarah lisan bagi *course* [kursus] IMR604, ia merupakan salah satu syarat yang diperlukan untuk menghabiskan semester pada tahun akhir ini. Kami amat berbesar hati kerana tuan sudi meluangkan masa untuk diwawancara oleh kami. Dari sedikit kajian yang telah kami lakukan tuan merupakan seorang pendikir yang amat disegani dan dikenali ramai dan telah lama melibatkan diri dalam bidang ini kami berharap tuan dapat berkongsi dengan lebih banyak lagi pengalaman dimana--- Bagi memulakan sesi wawancara pada hari ini kami ingin memulakan dengan maklumat latar belakang tuan. **Apakah nama penuh tuan?**

HY : Ok macam dalam *ic* [kad pengenalan], nama saya Abdul Halim Bin Yazid, nama penuhlah Abdul Halim Bin Yazid lah

AR : **Biasa kalau orang sekeliling panggil?**

HY : Orang panggil macam-macam, tetapi apabila sebut Halim Yazid orang lebih ramai kenallah jadi umumnya panggil Halim Yazid *tapi* [tetapi] oleh kerana saya *dah* [sudah] mencapai umur yang *dah* [sudah] agak tua ramai peminat saya panggil abang Halim

AR : **Bilakah tarikh kelahiran dan berapa umur encik sekarang?**

HY : *Dua puluh lima haribulan sepuluh sembilan belas enam puluh* [25 Oktober 1960] umur *dua puluh lima haribulan oktober dua ribu tiga belas* [25 Oktober 2013] ini bermakna *lima puluh tiga* [53] tahun

AR : **Encik *ni* [ini] memang asal kelahiran negeri Kelantan ataupun---**

HY : Saya asal di Pasir Puteh, kampung saya nama dia Kampung Cangal Pasir Puteh Kelantan dan saya dilahirkan disitu, saya lahir situlah.

AR : ***Tapi* encik menetap di Pengkalan Chepa lah, Taman Kurnia?**

HY : Sebenarnya saya daripada umur *sembilan belas* [19] tahun saya masuk *Universiti Malaya* [Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kuala Lumpur] belajar di Universiti Malaya kemudian terus menetap di Kuala Lumpur sampai sekarang (Bunyi telefon) *Pengkalan Chepa* [daerah di Kota Bharu, Kelantan] *ni* [ini] sebagai *satu* [1] rumah

singgah sahaja, rumah singgah.

AR : Apakah pekerjaan encik sekarang? (Bunyi suara kanak-kanak) Adakah---

HY : Jawatan saya pegawai kebudayaan di bahagian hal ehwal pelajar *Universiti Malaya*
[Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kuala Lumpur] (suara lelaki bercakap)

AR : Tapi [tetapi] encik masih bergiat aktif dalam dunia dikir?

HY : Ya

AR : Encik mula berkhidmat di Universiti Malaya pada tahun berapa?

HY : Habis belajar saya terus bekerja dalam tahun *sembilan belas lapan puluh enam*
[1986] dan sampai sekarang.

AR : Sampai sekarang, dulu Pekerjaan encik apa sebelum---?

HY : *Takde* [tidak ada] pekerjaan terus kepada pegawai kebudayaan dan sampai sekarang

AR : **Apakah pengalaman encik sepanjang bekerja sebagai pegawai kebudayaan di *Universiti Malaya* [Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kuala Lumpur] ?**

HY : Pengalaman *ni* [ini] banyaklah jadi sesuai dengan tugas saya sebagai pegawai kebudayaan yang menyusun, merancang dan melaksanakan program-program pelajar khususnya program-program yang berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian, saya banyak membantu pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti mereka contohnya seperti kita kata bagaimana pelajar mengajar pelajar untuk berorganisasi dalam seni menganjurkan program-program kesenian seperti persembahan, lawatan, pengurusan acara dan sebagainya. Jadi sepanjang daripada saya bekerja dari *dulu* [dahulu] sampai sekarang memang banyaklah melalui pelbagai-bagai pengalaman dalam kampus sendiri, di luar kampus dan sampai kepada luar negara saya pernah bawa pelajar-pelajar yang saya sendiri terlibat dengan aktiviti mereka aktiviti seperti penganjuran macam-macam penganjuran pertandingan dan sebagainya.

AR : **Biasa kalau encik uruskan *student tu* [pelajar itu] pelajar diploma atau *degree* [ijazah]?**

HY : Biasanya *Universiti Malaya* [Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kuala Lumpur] dia yang terlibat aktif, sebab dia jarang sangat program diploma yang terlibat aktif biasanya ijazah pertama, *degree* [ijazah]

HY : Jadi mereka-mereka yang terlibat *ni* [ini] memang kebanyakannya terdiri daripada

pelajar yang mengikuti kursus ijazah pertama dalam pelbagai bidang yang ada di *Universiti Malaya* [Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kuala Lumpur] .

AR : **Apakah nama isteri encik?**

HY : Nama isteri Nor Mahani Binti Ahmad (Bunyi sudu jatuh)

AR : **Umur isteri encik sekarang?**

HY : Umur isteri *empat puluh lima* [45] tahun, itulah dia

AR : **Isteri encik bekerja di mana dan sebagai apa?**

HY : Isteri saya *tak* [tidak] bekerja, *dulu* [dahulu] dia ada kerja sebagai apa ini ketua koordinator di *satu company* [1 syarikat] apa kita panggil *travel* [pelancongan] agen. Beberapa lama dia bekerja kemudian dia berniaga kecil-kecilan membuka restoran di universiti selama *sepuluh* [10] tahun dan selepas itu dia rehatlah, bersara untuk *jadi* [menjadi] suri rumah sepenuhnya.

AR : **Kiranya *dulu* [dahulu] bekerja sekali dengan enciklah dekat---?**

HY : Bukan bukan, Saya bekerja *dulu* [dahulu], lepas saya kerja barulah dia mula masuk bekerja

AR : **Encik ada berapa orang anak?**

HY : Anak, *lapan* [8], *lapan* [8] orang.

AR : **Anak sulung?**

HY : Anak sulung umur *dua puluh enam* [26] sekarang *dah* [sudah] bekerja, anak *kedua* [2] umur *dua puluh tiga* [23] *pun* [juga] sekarang *dah* [sudah] bekerja kemudian selepas *tujuh* [7] tahun selepas anak yang ke *dua* [2] itu anak ke *tiga* [3] dan ke *empat* [4] kembar berada di tingkatan *empat* [4] (Bunyi telefon) sekarang di Sekolah Tengku Faris Petra Kota Bharu, Pengkalan Chepa dan selepas itu anak yang *kelima* [5] perempuan juga tingkatan *dua* [2] kemudian anak yang *keenam* [6] darjah *empat* [4] *laki-laki* [lelaki] (Bunyi telefon), kemudian seterusnya darjah *satu* [1] perempuan, *sorry-sorry* [maaf] seterusnya darjah *dua* [2] perempuan, dan yang paling kecil berumur *empat* [4] tahun

AR : **Anak-anak encik *ni* [ini] ada yang *dah* [sudah] berkahwin?**

HY : Belum

AR : **Belum, Boleh *tak* [tidak] encik cerita macamana encik boleh berkenalan dengan isteri?**

HY : *Ni* [ini] banyak ada dalam tulisan sebelum *ni dah* [ini sudah] ada, *tapi tak apa* [tetapi tidak mengapa] saya cerita sebelum *ni* [ini]. *Dulu* [dahulu] masa saya belajar di

Universiti Malaya [Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kuala Lumpur] kemudian sementara setelah saya *grad* [graduasi] dan sementara menunggu menunggu kerja saya jumpa isteri saya di Kuala Lumpur, pada masa *tu* [itu] isteri saya pergi rumah mak sedara dia jadi suami kepada mak sedara dia *tu* [itu] kawan saya jadi disitu saya mula kenallah, di Kuala Lumpur dan saya kenal *tak* [tidak] lama *lepas tu* [selepas itu] saya terus kahwin jadi kiranya saya kenal isteri saya *tu* [itu] di Kuala Lumpurlah.

AR : **Isteri encik memang berasal dari Kuala Lumpurlah?**

HY : Bukan-bukan isteri saya berasal dari Pahang

AR : Oh Pahang ingatkan *ore Kelate* [orang Kelantan]

HY : Oh tidak-tidak, orang Pahang

AR : **Encik nama anak encik yang sulung?**

HY : Nama dia Izyanti Amallini binti Abdul Halim,

AR : **Encik kalau saya perasan, *dale* [dalam] lagu encik ada lagu Amy, itu nama anak encik juga?**

HY : Sebenarnya saya cuba buat semua lagu-lagu saya ada nama anak saya. Sebenarnya semua lagu ada. Anak saya daripada nombor *satu* [1] sampai nombor *tujuh* [7] ada

dalam lagu, cuma anak yang ke *lapan ni* [8 ini] belum ada, dia kecil lagi jadi Amy ada, Elin, Izzianti, *kak* [kakak] Ina semua ada dalam lagu saya.

AR : **Kiranya anak-anak encik *hok ngaji sini ni* [yang belajar dekat sini ini] duduk *sini lah* [kan]?**

HY : Ok, anak ke *tiga* [3] dengan ke *empat* [4] kita panggil dia Elin Aleya, dia kembar

AR : Oh kembar

HY : Dia kembar, dan Amy *tu* [itu] tingkatan *dua* [2] diantara ramai-ramai anak saya *tu* [itu] Amy paling *popular* [terkenal] lah pasal Amy *ni* [ini] dia ada *story* [cerita] dalam lagu *lepastu* [selepas itu] ada video klip untuk dia *lepastu masa* [selepas itu semasa] dia kecil *pun* [juga] kita buat video klip, jadi dia sangat *popularlah* [terkenallah] menonjol jadi dia *bertiga* [3] mereka *bertiga ni* [3 ini] belajar di *Sekolah Tengku Faris* [sebuah sekolah di daerah Kota Bharu Kelantan] *ni* [ini] dia sekolah *ni* [ini] sekolah berasrama penuh, *boarding school* [sekolah berasrama penuh] jadi mereka semua duduk di asrama cuma itulah *bila* [apabila] mereka duduk asrama untuk memudahkan urusan dia jadi saya sewalah sebuah rumah di sebelah sekolah Tengku Faris *tu* [itu] di Taman Kurnia Jaya [perumahan di Pengkalan Chepa, Kelantan] jadi itu bermakna rumah sewa yang memang kita guna untuk urusan-urusan sekolah bila dia kita kata dia *outing* [keluar] ataupun dia boleh balik kalau *tak* [tidak] balik *KL* [Kuala Lumpur] dia balik sini, saya pun sama kalau *nak* [hendak] balik kadang-kadang balik sini.

AR : **Kiranya encik jaranglah balik Pasir Puteh [daerah di Kelantan]?**

HY : Tidak *jare* [jarang] juga bila balik sini saya mesti balik ke Pasir Puteh *tapi* [tetapi] balik Pasir Puteh sekejap saya balik sini. Sebab balik Pasir Puteh *tu* [itu] mak ada kan, hari raya saya balik *Pasir Puteh* [daerah di Kelantan] ada majlis-majlis apa-apa *hal* [perihal] keluarga saya keluarga mak adik-beradik saya balik *Pasir Puteh* [daerah di Kelantan], jadi kalau untuk keluarga saya sendiri apa pun semua di *Pengkalan Chepa* [daerah di Kelantan].

AR : **Ibu dan ayah encik ada lagikan?**

HY : Ayah saya meninggal pada tahun *dua ribu tiga* [2003], ibu saya masih ada sekarang sudah uzurlah sebab *dah* [sudah] tua dia kena sakit *katarak mata* [sejenis penyakit mata] *dah tak* [sudah tidak] nampak jadi dia duduk di sebuah rumah yang saya buat di Pasir Puteh rumah kecil untuk dia dan saya minta adik saya duduk bersama dia adik saya sudah kahwin dan ada seorang anak jadi adik saya *tulah* [itulah] yang untuk sebelum ada apa-apa sebelum saya sampai balik adik saya jagalah untuk uruskan dia pergi klinik makan minum dia apa semua

AR : **Boleh *dok* [tak] tahu nama ibu dan ayah encik?**

HY : Nama ayah saya Yazid bin Awang Teh mak saya nama Zahrah binti Ahmad

AR : **Umur meraka?**

HY : Ayah meninggal pada umur *enam puluh tiga* [63] tahun mengikut *ic* [kad pengenalan] dia dia memang *enam puluh tiga* [63] tahunlah dia meninggal, mak sekarang *dah* [sudah] *tujuh puluh* [70] lebih, *tujuh puluh* [70] lebih masih ada

AR : **Mereka *meme* [memang] asal Kelantan lah kan?**

HY : *Meme* [memang] asal di Kampung *tu* [itu] lah memang asal dikampung yang kita kata *Kampung Cangal Pasir Puteh* [sebuah kampung di Kelantan], dalam lagu saya kan kampung Cangal Pasir Puteh, memang kampung asal di situ mak saya orang Kelantan ayah saya orang Kelantan saya *pun* [juga] lahir di Kelantan.

AR : **Lepas *tu* [itu] dari kajian *hok* [yang] saya buatlah kan tengok dalam Youtube *lepastu* [selepas itu] adalah orang buat video pendek *dok* [kan] macam zaman-zaman *dulu* [dahulu] ayah encik *ni* [ini] suka dikir barat lepas *tu* [itu] mak encik *ni* [ini] kerja *gapo* [apa] ya *dulu* [dahulu]?**

HY : Ok video *ni* [ini] saya rasa dibuat oleh satu [1] kumpulan pelajar yang dibawah kursus *sinematographi* [perfileman] di *UNIMAS* [Universiti Malaysia Sarawak] saya rasa video itulah maksud yang yang awak beritahu video itulah dia ada bertanya saya *nak* [hendak] buat kisah saya dan dia minta saya berlakon saya kata pada dia saya bukan pelakon jadi kalau *nak* [hendak] buat carilah orang lain berlakon *tapi* [tetapi] dia *nak* [hendak] buat kisah saya semua kisah saya yang dibuat oleh orang

lain walaupun filem tentulah tidak begitu sama betul-betul dengan kisah saya yang benar apatah lagi mungkin kisah saya yang benar kalau saya buat mungkin dia lebih tepat sikit. *Ok* [baik] jadi saya terangkan sikit kalau *nak* [hendak] bercakap pasal kisah ayah saya dengan dikir *ni* [ini] macam *ni* [ini] ayah saya saya nilai dia saya tengok dia bukan orang berjiwa seni seni dikir ataupun seni muzik ataupun seni persembahan mungkin kalau ada pun seni lain itupun saya *tak* [tidak] tahu *tapi* [tetapi] setahu saya ayah saya bukan berjiwa seni semasa saya berumur *tujuh* [7] tahu darjah *satu* [1], ayah saya memang saya orang miskin orang susah jadi banyak tempat dia kerja sana kerja sini untuk cari nafkah kan masa saya darjah *satu* [1] tadi dia bawa pergi bekerja dengan mak saya kepada *satu* [1] Kampung Hulu di Tanah Merah tempat *tu* [itu] nama dia *Gual Ipoh, Gual Ipoh Tanah Merah* [daerah di Kelantan] di situ masa *tu* [itu] memang susah sangat memang *nak* [hendak] pergi pun makan *dua* [2] hari baru sampai sana jadi dia menoreh getah *kat* [dekat] sana, menoreh getah oranglah jadi tradisi dikir *ni* [ini] bila dimana masyarakat Kelantan berkumpul dan mereka *takda* [tiada] apa *nak* *nak* [hendak] buat mereka sunyi apa semuakan jadi mereka tubuh *group* [kumpulan] dikir, jadi ayah saya adalah seorang daripada ahli kumpulan dikir itu lah. Jadi sebagai zaman sekarang *ni* [ini] istilah orang panggil *awok-awok* [awak-awak], ada *ore* [orang] panggil pindikir ada orang panggil *awok-awok* [awak-awak] dikir pendikir jadi saya baru buka istilah *lata dikir* [penyanyi latar] jadi ayah saya orang macam *tu* [itu] saja, jadi disitu saya mula kenallahkan ikut main dikir *tu* [itu] malam-malam saya ikut ayah saya pun ikutlah ramai-ramai jadi *bila* [apabila] nampak orang-orang dewasa yang nampak saya yang darjah *satu* [1] kecil *ni* [ini] nampak ada minat

HY : Minat, *lepas tu* [selepas itu] ada nampak *tempo steady* [berminat] dia suruh saya main gong saya mula main gong, itulah mula jadi ayah saya tadi habis setakat *tu je* [itu sahaja] lah, itu saja yang dia---

AR : Saya ingat *ko* [ke] ayah encik minat dikir encik pun dikir juga

HY : Saya rasa bukan begitu, bukan sebab darah atau bukan sebab kerana dia minat keturunan *tu* [itu] turun kepada saya darah seni *takda* [tiada] seni dikir itu saya rasa *takda* [tiada], bukan

AR : ***Lepas tu dulu* [Selepas itu dahulu], masa sekolah rendah encik dapat pendidikan awal mana?**

HY : *Ok* [baik] saya belajar mula-mula darjah *satu* [1] naik *Sekolah Kebangsaan Cangal, Pasir Puteh* [sebuah sekolah di Kelantan] kemudian pergi sekejap ke yang saya kata tadi *Gual Ipoh* [sebuah daerah di Tanah Merah Kelantan] pertengahan darjah *satu* [1] sampai pertengahan darjah *dua* [2], kemudian balik semula ke Sekolah Kebangsaan Cangal Pasir Puteh naik sekolah menengah nama dia Sekolah Menengah Rendah Pasir Puteh tahun *tujuh puluh tiga* [73] tingkatan *satu* [1], Sekolah Menengah Rendah Pasir Puteh *ni* [ini] selepas saya tingkatan *tiga* [3] ditukar menjadi nama Sekolah Menengah Tok Janggut sampai sekarang. *Ok* [baik] saya terus disana sampai tahun *tujuh puluh tujuh* [77] ambil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] kemudian saya naik tingkatan *enam* [6] di Sekolah Menengah Kamil selama *dua* [2] tahun. Itu

sejarah sekolah saya sampai tahun *tujuh puluh sembilan* [79], selepas tahun *tujuh puluh sembilan* [79] *tu* [itu] saya masuk *Universiti Malaya* [Institut Pengajian Tinggi Awam di Kuala Lumpur] lah

AR : **Di Universiti Malaya encik ambik *course* [kursus] apa?**

HY : Dibawah kursus Fakulti Sastera, fakulti banyak masa *tulah* [itulah] antara salah *satu* [1] Fakulti Sastera, fakulti yang besar dibawah *tu* [itu] ada pelbagai jabatan salah *satu* [1] jabatannya Pengajian Melayu pada masa *tu* [itu] Jabatan Pengajian Melayu melancarkan *satu* [1] program sebagai satu percubaan, program *tu* [itu] nama Program Rancangan Penulisan Kreatif dan Diskriptif, saya masuk program *tu* [itu], saya masuk dalam program *tu* [itu] jadi kursus saya selepas saya *grad* [graduasi] nama dia Kursus Penulisan Kreatif Dan Diskriptiflah.

AR : **Kiranya lah *kea lepas* [kan selepas] encik lanjut pelajaran *situ* [disitu] encik sambung lagi ke *dok* [tak]?**

HY : Lepas *tu* [itu] saya *tak* [tidak] sambung belajar mana-mana, cuma sejak akhir-akhir *ni* [ini] saya *nak* [hendak] buat bekal tua saya buat *Master* [ijazah sarjana muda], *nak siap dah* [hendak selesai sudah] dekat Universiti Putra, *Universiti Putra Malaysia* [Institut Pengajian Tinggi Awam di Serdang Selangor] *nak siap doh* [hendak selesai sudah] dan InsyAllahlah kalau ada rezeki *lepas master ni* [selepas Ijazah Sarjana Muda ini] kalau saya sihat lagi saya *nak* [hendak] buat bekal tua juga saya *nak*

[hendak] buat *PHD* [Doktor Falsafah].

AR : **Kiranya dalam bidang yang sama lah *master* [ijazah sarjana muda] *tu* [itu]?**

HY : Ijazah *pertama* [1] saya Fakulti Sastera Penulisan kemudian *master* [ijazah sarjana muda] saya master saya ambil *pure* [asli] sastera kesusasteraan Melayu di *UPM* [Universiti Putra Malaysia].

AR : **Pencapai tertinggi encik dalam bidang pendidikan *ni gapo* [ini apa]?**

HY : *Takdok-takdok* [Tiada-Tiada] tinggi saya macam *tu* [itu] sahaja (Sambil ketawa)

AR : *Tapi* [tetapi] kalau masuk *UM* [Universiti Malaya] *ni kira buke cale-cale ore lah kan* [ini kira bukan calang-calang oranglah kan]

HY : Itu boleh dikatalah, macam *ni* [ini] dia *dale* [dalam] tahun *tujuh puluh sembilan* [79] *ni* [ini] orang Pasir Putih *hok* [yang] masuk Universiti Malaya *ni* [ini] hampir *takdok* [tiada]

AR : *UM* [Universiti Malaya] payah *gak nak* [juga hendak] masuk

HY : Bukan payah juga memang tahun *tujuh puluh sembilan* [79] masuk tahun *lapan puluh* [80] memang payah, jarang sangat orang masuk tetapi oleh kerana saya di tingkatan *enam* [6] saya *tu* [itu] kira saya kira macam pelajar terbaiklah daripada

enam belas [16] orang *hok* [yang] boleh tinggi *tu* [itu] dan *enam belas* [16] orang *ni* [ini] semua masuk *UM* [Universiti Malaya] masuk Universiti Malaya jadi pada masa *tu* [itu] masuk Universiti Malaya rasanyalah dia punya kehebatan dia macam *loni* [sekarang] boleh masuk *Universiti Oxford* [Universiti di United Kingdom] *meme jare ore* [memang jarang orang] masuk pada masa *tu* [itu] jadi memang betullah kalau *nak* [hendak] kata itu pencapaian tertinggi memang betullah hasil daripada usaha saya memang dapat masuk Universiti Malaya

AR : Sebab *kalu zame dulu kea susah kea* [kalau zaman dahulukan susahkan] orang *nak* [hendak] masuk *U* [universiti]

HY : *Meme* [memang] susah

AR : ***Kalu mace* [kalau macam] ibu dan ayah encik pada zaman dulu, *gane* [macamana] sikap *diaore* [mereka] tentang pendidikan?**

HY : Oh *Macamni* [seperti ini], ayah saya *ni* [ini] memang sangat-sangat ambil berat supaya saya belajar, *kot* [ikut] mana-mana pun kena belajar *dulu* [dahulu], tutup segala yang lain segala benda yang lain tutup, apa yang *nak* [hendak] mesti belajar *dulu* [dahulu] walaupun dia bukan orang sekolah dan orang *tak* [tidak] belajar tinggi, bukan *tak* [tidak] belajar tinggi memang *tak* [tidak] belajar *pun* [juga], dia sekolah darjah *dua* [2], sekolah melayu dulu kan *tak* [tidak] tahu apa pun menulis pun *tak* [tidak] tahu apa semua kan *tapi* tuhan bagi kesedaran kepada ayah saya melalui dia berkawan dengan orang *tu* [itu] berkawan dengan orang *ni* [ini] dia kata anak perlu belajar walaupun dia *tak* [tidak] tahu apa *tapi* dia tahu *kot* [ikut] mana-mana pun

kena belajar.

AR : Kena belajar!

HY : Mak saya ikut dia sahaja, sepanjang masa ikut sahaja, ikut sahaja dia orang yang ikut jadi ayah saya sangat tegas memang *tak* [tidak] boleh *excuse* [alasan] daripada saya kecik *tak* [tidak] boleh *excuse* [alasan] tentang belajar

AR : **Pernah *tak* [tidak] kalau encik ponteng dia marah?**

HY : Ada saya hampir *takda* [tiada] ponteng, *tapi* [tetapi] pernah ada *satu* [1] hari ketika darjah *empat* [4] saya ingat lagi saya pergi saya terlewat bangun saya pergi sekolah orang *dah* [sudah] masuk kelas (Bunyi telefon), orang ramai saya segan lah lepas *tu* [itu] saya balik. Saya balik ayah saya marah dekat saya ayah saya marah ayah saya hampir *nak* [hendak] pukul saya, *tapi* [tetapi] saya jarang kena pukul *kat* [dekat] ayah saya *tapi* [tetapi] masa *tu meme* [itu memang] ayah saya marah dekat saya, saya pun kena pergi balik sekolah itu pun sekali sahaja sebab saya rasa segan *nak* [hendak] masuk kelas *ore* [orang] dah masuk *belako* [semua]

HY : *Tapi* [tetapi] balik *meme* [memang] kena marah, jadi masa lain saya rasa *takda* [tiada] saya *tak* [tidak] pernah ponteng

AR : Lepas tu *dok gapo* [kan apa] kenangan manis encik masa zaman sekolah *dulu* [dahulu],

NH : **Dapat anugerah ke?**

HY : *Loni* [sekarang] merasakan manis keatas segala benda yang pahit, sekarang baru rasa, *pasal* [sebab] apa? Kenangan *ni* [ini] kalau kita tanya *kade-kade* [kadang-kadang] kenangan manis masa sekolah *tapi* [tetapi] sekarang kita *dah* [sudah] rasa pahit kenangan pahit masa sekolah *dulu* [dahulu] kadang-kadang kita rasa manis, hampir semua kenangan saya semasa saya sekolah kini sudah menjadi manis kerana dunia kan ibarat roda masa *dulu* [dahulu] kita rasa sangat sakit sangat pahit, sejak akhir *ni* [ini] sudah merasa sangat manis

NH : **Contohnya?**

HY : Contohnya, banyaklah saya *nak* [hendak] ambil yang mananya, saya *nak* [hendak] petik *satu* [1] contoh bawa nasi bungkus, bawa nasi bungkus saya makan tepi padang kerana saya malu nasi saya *takda* [tiada] lauk kadang-kadang lauk saya telur sahaja *ko* [ke] telur itik ke atau telur goreng gaul dengan kelapa gaul dengan *nyo* [kelapa] saya makan dua orang dengan *saem* [kawan] saya, *saem* [kawan] saya tu memang *ore* [orang] susah jugalah, dua orang *jah* [sahaja] kita *make* [makan] nasi tepi padang pergi jauh jalan kaki duduk tepi padang orang lain semua makan *kat* [dekat] kantin saya makan dekat padang. Suatu hari kawan saya bawa telur sangat banyak “eh *mana mung amek telur banyak?*” [mana kau ambil telur banyak] “makanlah” (Sambil bermonolog) (Sambil ketawa) dia cakap, saya separuh dia separuh, makan-makan-makan-makan habis (Sambil buat gaya makan) sudah *make kenyee* [makan kenyang] “*banyak telur mung harini, tak habis make telur banyak sangat*” [banyak telur kau hari ini, tidak habis makan telur banyak sangat] (Sambil bermonolog). “Sebenarnya aku *nak oyak kat mung* [hendak beritahu dekat kau]” “*Oyak gapo*” [beritahu apa]” “Sebenarnya *tu telor kuro* [itu telur kura-kura]”

(Sambil bermonolog) (ketawa), telur *kuro* [kura-kura] itu antara kenangan yang manis, masa *tu* [itu] memang sangat seronoklahkan, *tapi lepas pado tu kito pikir* [tetapi selepas pada itu kita fikir] dasyatnya, pahitlahkan kenangan pahit *lepastu* [selepas itu] dalam lagu saya ada tulis saya malu duduk dalam bas saya kena turun.

AR : **Lagu bakit asal kan?**

HY *Ho* [ya] lagu bakit asalkan, saya pernah turun pasal saya malu sangat duduk dalam bas sebab saya *tak* [tidak] bayar, bukan saya sebenar sepatut ayah saya bayar *tapi* [tetapi] ayah saya *tak* [tidak] mampu *nak* [hendak] bayar duit, jadi *nak* [hendak] tunggu bulan ke *tiga* [3] untuk ayah saya bayar kadang-kadang *tiga* [3] bulan baru ayah saya bayar kadang-kadang ayah saya *empat* [4] bulan baru bayar *lima* [5] bulan baru bayar *lima* [5] ringgit *je* [sahaja] sebulan daripada *kampung Changal* [sebuah kampong di Kelantan] ke *Sekolah Tok Janggut* [sebuah sekolah di Kelantan], saya rasa segan kadang-kadang saya turun saya turun saya jalan kaki daripada tempat saya turun bas *loni* [sekarang] adalah tiga [3] kilometer lebih *kot* [mungkin] dalam *empat* [4] kilometer *bila* [apabila] hujan air mata campur air hujan itu semua pahit, *tapi loni* [tetapi sekarang] saya suka saya suka sebab apa orang lain *takda* [tiada] macam saya orang lain *takda* [tiada], jadi *loni* [sekarang] dalam lagu saya banyak lagu antara tempat yang *touching* [tersentuh] tempat yang tersentuh tempat situ, bila saya pergi mana-mana otang kata saya *takleh* [tidak boleh] dengar pasal *hok* [berkenaan] turun bas *tu* [itu] tetapi saya *tak* [tidak] cakap air mata bercampur air hujan kalau saya cakap air mata bercampur air hujan orang lain lagi sedih *tapi* [tetapi] bagi saya benda *tu* [itu] kenangan manis jadi masa sekolah saya *takda* [tiada] kenangan manis dalam erti kata orang biasa, orang biasa kenangan manis *tu* [itu]

ayah balik luar negeri bagi hadiah *dok* [kan] bagi hadiah *birthday* [hari lahir] ataupun ada kekasih comel, kekasih tolong (Bunyi telefon) apa semua untuk belajar apa semua, saya *takda* [tiada] pasal saya orang miskin orang *tak* [tidak] tengok masa *dulu tapi* [dahulu tetapi] kemiskinan itulah sekarang saya sudah menjadi manis sebab saya berjaya harungi segala banda orang buli saya *kat* [dekat] sekolah kerana saya kecil orang buli saya ada juga orang puji saya, dan macam-macamkan jadi banyaklah tidak ada *satu* [1] benda yang *meme* [memang] saya *nak oyak serupo kalu saya oyak* [hendak beritahu serupa kalau saya beritahu] kisah hidup saya *ni* [ini] memang sangat-sangat panjang *tapi* [tetapi] sebagai sepintas lalu kita boleh ringkaskan bahawa kenangan manis seperti orang ramai tidak ada segalanya pahit dan saya suka kalau boleh kata pun setiap kali *result* [keputusan], ok *result ni* [keputusan ini] saya boleh *result* [keputusan] tinggi saya suka *result ni* [keputusan ini] pulak *STP* [STPM-Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia] saya boleh result [keputusan] tinggi saya suka kemudian saya boleh keputusan dekat wakil pos *dulu* [dahulu] wakil pos surat sampai dekat wakil pos bukan pejabat pos pejabat pos Pasir Puteh, dekat kampung saya ada wakil pos sampai surat terima *envelope* [sampul surat] besar kawan saya kata kalau sampai surat besar dapat masuk *U* [universiti] tengok-tengok sampai sampul surat besar sebab kalau sampul surat kecil dia tulis tidak dapat masuk universiti sebab sampul surat besar *ni* [ini] ada borang-borang nak [hendak] kena isi antara benda *hok* [yang] betul-betul sukalah

AR : Kalau dekat zaman sekolah *dulu kawe-kawe* [dahulu kawan-kawan] panggil *gapo* [apa] gelaran?

- HY : Panggil Halim
- AR : Halim
- HY : Panggil Halim *sajo* [sahaja], Halim ramai Halim Yazid *tak popular* [tidak terkenal] lagi masa *tu* [itu] album baru ada saya *popular ore* [terkenal orang] panggil Halim Yazid masa *tu* [itu] jarang-jarang orang panggil Halim Yazid orang panggil Halim kecil
- AR : Tubuh halus
- HY : Halim kecil, ramai-ramai panggil halim kecil *tapi* [tetapi] kawan-kawan di sekolah Tok Janggut, Sekolah Tok Aman *dah* [sudah] tahu saya adalah *somebody* [seseorang], dan saya *dah* [sudah] mula menunjukkan saya punya bakat dalam seni dikir di Sekolah Tok Janggut lagi masa tingkatan *empat* [4] saya dah mula ada disitu cikgu saya *dah* [sudah] buat *group* [kumpulan] saya dah mula---
- NH : **Masuk pertandinganlah?**
- HY : Tidak pertandingan buat persembahan,
- NH : Persembahan
- HY : masa *dulu* [dahulu] pertandingan-pertandingan *tak ada tak ada* [tidak ada tidak ada] apa pun *takda* [tiada] siapa pun ,tidak macam sekarang *takda-takda* [tiada-tiada] pertandingan sekolah-sekolah pun *takda* [tiada] buat persembahan hari penyampaian hadiah hari ibu bapa ada penyampaian hadiah buat persembahan
- AR : **Kita *nak* [hendak] masuk ke bahagian dikir barat *deh* [ya]?**

HY : *Ok* [baiklah]

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: PENGALAMAN BERDIKIR

AR : **Pendapat encik lah kan dikir barat *ni* [ini] bila lagi wujud?**

HY : Dia *tak leh* [tidak boleh] mengikut pendapat saya pasal saya saya pun ambil pendapat *ore* [orang] (Sambil ketawa), masa dia wujud saya *tak dok* [tidak ada] lagi jadi *kalu* [kalau] saya kata *hok* [yang] saya salah saya, ok saya kira macam *ni* [ini] kalau tanya pasal wujud dikir barat *ni* [ini] saya cuba petik daripada pendapat-pendapat *ore* [orang] yang sampai kepada saya melalui *ore* [orang] cerita pada saya atau melalui saya tanya *ore* [orang] atau melalui juga baca. Ok itu maksudnya sejarah kemunculan dan asal-usul dikir barat, *dok* [kan] melalui pembacaan saya ada berbagai-bagai pendapat yang mengatakan asal-usul dikir barat ok antaranya, antara *ni* [ini] yang saya sebut banyak lagi ada *ore* [orang] kata dikir barat *tu* [itu] berasal daripada budak gembala lembu *dulu* [dahulu] tahun tidak diberitahu,, ada orang kata berasal daripada *Narathiwat* [daerah di Selatan Thailand] ada berasal daripada *Pulau Tebu* [sebuah daerah di Peringat Kelantan] ada berasal daripada ciptaan Mat Leh Tapan, Tapan Kota Bharu ada dikir barat *ni* [ini] kata bersal daripada dikir Labo dan berbagai-bagai bagai lagi yang saya jumpa tentang asal-usul dikir barat yang *meme* [memang] kita kata pasti *tu takda* [itu tiada] pasal segalanya ini tidak tertulis sebagai *satu* [1] dokumentasi yang mempunyai *back up* [sokongan] hujah yang kukuh jadi

semuanya sebagai---

AR : *Kecek-kecek?* [cakap-cakap]

HY : *kecek-kecek ore* [cakap-cakap orang] panggil *oral tradition* [tradisi lisan], tradisi lisan sahaja, *mung tanya aku aku tanya mung* [kau tanya aku aku tanya kau] kalau gaduh apa semua antara satu sama lain, tidak ada lagi kajian yang betul-betul menemui dimana dan inilah logik dia, *tak ada* [tiada] bahkan kalau adapun belum tentu tepat jadi cumanya tinggal *macamni* [seperti ini] setakat *ni* [ini] banyak pendapat mengatakan mengatakan antara banyak-banyak pendapat tadi ada *dua* [2] pendapat yang *meme* [memang] menonjol iaitu pertama dia kata dikir barat *ni* [ini] berasal daripada negara-negara selatan Thailand, bukan negara pulak *sorry* [maaf] negeri-negeri di selatan Thailand wilayah Narathhiwat, Yala dan Patanni, *ni* [ini] diantara *tiga* [3] daerah yang dikatakan berasal dikir barat *lepas tu* [selepas itu] pendapat yang ke *dua* [2] yang popular dikatakan berasal daripada Mat Leh Tapan

AR : **Daerah Kelantan *ko*** [ke]?

HY : Mat Leh Tapan tu [itu] seorang hamba nama Mat Leh, Haji Mat Leh yang berasal dari kampung Tapan, Kampung Tapan tahukan dekat Jambu, dekat Tanjung Mas dia asal daripada situ itu *dua* [2] pendapat itu *dua* [2] pendapat yang agak ketara agak menonjol tetapi huraian seterusnya mungkin boleh dibuat *tesis* [kajian] lah bagaimana kita menghuraikan asal usul dan sejarah tetapi dari segi tahun segi tahun tidak dinyatakan dengan tepat jadi InsyAllah selepas ini saya bercadang untuk mencari, mengali ataupun mengkaji kalau saya sihat tubuh badan lagi saya ingin mengkaji supaya dapat yang kalau tidak yang betul-betul betul tepat pun hampir

tepat asal usul dikir barat yang sebenar

AR : *Takda* [tiada] lagi

HY : *Takda* [tiada] lagi kalau ada pun sekarang senang sahaja yang orang tulis sebelum *ok* [baiklah] sekarang *sapa* [siapa] orang tua pergi tanya orang tua tu [itu] cakap macamni *macamni tapi* [seperti ini tetapi] orang tua lain cakap macam lain jadi benda *tu* [itu] longgar jadi bagi saya dikir barat belum ada orang belum ada asal usul yang kita boleh percaya belum ada

AR : **Dikir barat ni sinonim denge Kelate [ini sinonim dengan Kelantan] lah kan, negeri lain *dok* [tiada] pun *dok* [kan]?**

Lani [sekarang] cukup *popular* [sohor] antara universiti, antara sekolah, jabatan kerajaan, cukup *popular* [sohor]. Zaman saya *dulu mace* [dahulu macam] kalau kita baru *gi buko hute rimbo* [pergi buka hutan rimba] yang tebal, penat duri semua, tebas apa semua. Kena duri *tu* [itu] maksudnya *ore kato* [orang kata] "*Hoi dikir teruk, tak yoh buat dikir ah. Kau dikir tigo minit ja taw!*"

"Hoi, dikir ini teruk, tidak perlu lah buat dikir, kau dikir tiga [3] minit sahaja tahu!"

(Sambil bermonolog). Jadi maknanya, sebab *ore* [orang] lain *dok* [tidak] minta. Jadi setelah lama dia *berkembey* [berkembang] antara yang *mengembeykan* [mengembangkan] seni dikir pertandingan antara *U* [universiti], pertandingan antara sekolah-sekolah anti-dadah, *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] pernah menganjurkan pertandingan dikir barat. Benda *ni* [ini] makin *popular* [sohor], masyarakat *pun* [juga] boleh terima, berubah, budak sekolah *pa* [apa] semua, dia *pun berkembe* [juga berkembang]. Hampir semua majlis buat dikir, di *KL* [Kuala Lumpur] di mana, hampir semua tempat *tu ado* [itu ada] dikir. Dia boleh terima.

AR : **Kebanyakan orang luar minat Kelantan sebab dikirkan?**

HY : Dulu orang luar kenal dikir yang MekNab [pendikir lama] punggung besar. Maknanya dia mengenali dikir lucah pada masa itu. Bukan salah kita. Dalam tahun *tujuh puluhan* [70-an], Seman dan Hussin, dia kuat di Kelantan, tiba-tiba dalam tahun *tujuh puluhan* [70-an] datang *dua* [2] orang daripada Thailand; Mat Yeh dengan Sudin bermain bersama-sama, mereka cuba lawan antara *satu* [1] sama lain, dikirkan berlawan untuk mendapatkan nama, bukan berlawan atas pentas sebagai kata-mengata tetapi berlawan untuk mendapatkan nama. Jadi, lama-kelamaan dia cuba benda lucah dan orang *gelak* [ketawa].

AR : **Jadi, ianya mula berkembang dan berkembang.**

HY : Walaupun, ia dibuat lewat, budak tidur tetapi ia mendatangkan kesan buruk, jadi dan *last* [akhir] sekali benda itu tersebar kepada orang. Usaha saya sekarang daripada tahun *dua ribu* [2000], *sembilan puluhan* [90-an] saya cantas semua benda itu. Saya

cantas-cantas. Tetapi saya penat. *Satu* [1] hari setelah saya sudah *popular* [sohor], saya singgah di Cameron Highlands [sebuah tempat pelancongan di negeri Pahang], saya duduk beli bunga, ini antara sejuta cerita saya, ada orang menegur dengan menyebut “*Eh, Halim Yazid!*” Oleh seorang kawan lelaki. Kawan tersebut menyooal “*Siapa Halim Yazid?*” Dia bertanya, dan kemudian lelaki itu menjawab, “*Ini orang dikir, popular* [sohor]”, kemudian kawannya membalas “*Aku tidak dengar dikir*”. Bermakna mentaliti dia masih macam *dulu* [dahulu], betapa hinanya orang dikir. “*Aku tak [tidak] dengar dikir*”. Bermakna dikir itu hina. Kita tidak boleh salahkan dia, dia tidak sedar. Dia tidak datang *interview* [menemuramah] saya. Kalau macam awak, awak mesti *appreciate* [menghargai] dikir tersebut. (Sambil tujukan soalan kepada penemuramah). Bagaimana kita berjuang untuk dikir itu diterima daripada dikir yang dirosakkan tadi.

AR : **Kalau encik perasan dalam bola Kelantan, *popular* [sohor] dengan dikir.**

HY : Dia macam ini, dia ada Kuala Lumpur ada satu kumpulan. Dia lani--- kalau tengok dokumentari saya itu dibuat perbandingan antara muzik Blues [Blues adalah sejenis muzik vokal serta instrumental berdasarkan penggunaan nada blue. Ia muncul di kalangan komuniti Afrika-Amerika di Amerika Syarikat daripada keagamaan, nanyian kerja, jerit serta sorak, dan karangan balada ringkas berirama] dan dikir, dikir Malaysia, dikir Blues adalah Amerika. Blues dia asal dari Missisipi [merupakan sebuah negeri di selatan Amerika Syarikat] asal dari orang kampung. Kemudian, dia berpindah menjadi blues Chicago [adalah bandar paling ramai penduduk ketiga di Amerika Syarikat, selepas New York dan Los Angeles. Dengan

2.7 juta penduduk, ia adalah bandar yang paling ramai penduduk di kedua-dua negeri Amerika Syarikat Illinois dan Midwest Amerika.] di bandar. Malaysia *pun* [juga] sama. Dikir asal dari Kelantan, *tapi* [tetapi] dikir Kuala Lumpur adalah lain. Dikir Kuala Lumpur adalah lebih elit. Dia matang. Dia ada pemikiran kerana dikir Kuala Lumpur, sejak akhir-akhir ini dikirnya dibuat oleh orang-orang, pelajar-pelajar universiti banyak. Ia lebih mendominasi suasana dikir orang lain di Kuala Lumpur. Apabila, ia dikir universiti, dia ada mentaliti yang tinggi. Jadi, oleh kerana itu, dikir itu sudah jadi hebat di Kuala Lumpur berbanding dikir-dikir Kelantan dari segi ideanya, dari segi kreativitinya, dari segi bagaimana mencari originalitinya, dari segi gerakannya dan sebagainya. Jadi, bermakna, dikir jugak ada di Kuala Lumpur. Maksudnya dikir itu, sudah berkembang.

AR : **Bukan Kelantan sahaja?**

HY : Bukan Kelantan sahaja.

AR : **Budak-budak *pun* [juga] *kian* [semakin] minat semuanya?**

HY : Orang sudah minat. *Tapi* [tetapi] bukan kerja saya *sore* [seorang] buatkan dikir ini *berkembe* [berkembang]. Ramai orang yang bekerja sehingga dikir ini menjadi berkembang. Saya ini salah *sore* [seorang] sahaja menjadikan dikir itu berkembang mungkin kerana lirik-lirik saya sahaja. *Tapi* dari segi *popularity* [sohor] dari segi gambar-gembar *popular* [sohor] mungkin *RTM* [Radio Televisyen Malaysia]. Untuk *popular* [sohor] kepada sekolah-sekolah mungkin Kementerian Kerajaan yang menganjurkan pertandingan. Ramai--- Macam-macam cara.

AR : Selain bidang seni, encik *ada tak* [ada tidak] bergiat aktif dalam bidang-bidang lain?

HY : *Dulu* [dahulu] main golf *tapi* [tetapi] kaki pukul pendek. *Tak* [tidak] boleh la. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) *Maksudnya bidang apa?* (Sambil menyoal kembali kepada penemuramah) pukul *tu* [itu] pendek, golf tidak boleh main. *Tak leh nak* [tidak boleh hendak] pukul, *nak* [hendak] pukul dan tidak tepat untuk pukul. Lepas itu, saya banyak--- macam ini sebenarnya, dikir *ni* [ini] seni, kerja saya *pun* [juga] seni, seni *tu* [itu] kerja saya, saya bekerja dalam bidang seni ini--- kerja itu main-main. Senikan main-main. *Tapi* [tetapi] main-main itu *satu* [itu] kerja saya. Tidak jadi kalau main-main sungguh. Main-main *tapi* [tetapi] main-main. Main-main *tapi* [tetapi] kerja. Baru *jadi* [menjadi]. Jadi bermaknanya saya *tak* [tidak] banyak hiburan lainlah, saya selain pada keluarga saya, anak-anak saya, hiburan saya adalah kerja saya seni lah. Sebab kerja saya daripada *dulu* [dahulu] terlibat dengan seni. Persembahan pentas, kerja saya yang *core pun* [teras juga] di Universiti Malaya benda yang sama. Kerja *part time* [sambilan] saya *pun* [juga] dalam seni dikir *pun* [juga] benda sama. Seni rupanya memang lambat *boring* [bosan]. Kalau kita *boring* [bosan] satu *step* [langkah], kita kaji terlibat dengan *level* [tahap] yang lain. Apabila duduk di *level* [tahap] lain, kita tidak akan *boring* [bosan]. Kita rasa *tak dak apalah* [tidak mengapa]. (Bunyi lagu dan bunyi suara budak)

AR : Encik bahagi masa menjadi pendikir dengan *family* [keluarga] lagi macam mana?

HY : Jadi sibuk saya. *Meme* [memang] saya sibuk. Saya sangat sibuk. Jadi macam mana *nak* [hendak] bahagi masa. Kadang-kadang *tak terbagi* [tidak terbahagi]. Kadang-kadang bagilah. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Kadang-kadang saya pergi membuat persembahan, saya membawa orang rumah dan anak-anak saya, *gi mano-mano* [pergi mana-mana] saya *bawak* [bawa] anak saya _ rumah saya sebab saya tahu saya *tak dak* [tidak ada] masa untuk anak saya. Jadi, saya *bawak* [bawa] anak-anak saya. *Gi* [pergi] buat *show* [persembahan] mana-mana *bawak* [bawa] orang rumah saya. *Bawak* [bawa]. Sepanjang masa *bawak* [bawa]. Lepas itu sehingga anak-anak *tak nak* [tidak mahu] ikut. Saya *gi seniri* [pergi sendirian]. Selepas itu antara kerja seni dengan kerja di pejabat, (Bunyi suara budak menjerit) _ kalau orang *nak* [mahu] *mintak* [minta] saya terlibat dalam aktiviti dikir seperti persembahan *ko* [ke], bengkel *ko* [ke], apa semua, *diorang* [mereka] hantar surat ke Universiti Malaya. Universiti Malaya melepaskan saya sebagai kerja Universiti Malaya *jugak* [juga]. Tidak melibatkan duit Universiti Malaya, *tapi* [tetapi] dia lepas cuti. *Pelepase* [pelepasan]. Bagi *pelepase* [pelepasan]. Maka, baik. *Tak dok* [tidak ada] masalah.

AR : ***Isteri cik ada dok macam cik tak dok masa, dia mace dok puas hati ko?***

[Isteri encik pernah ke macam encik tidak ada masa, dia macam ada tidak puas hati?]

HY : Dia tidak puas hati *gini* [begini], *bila* [apabila] saya buat *show* [persembahan], tiba-tiba saya *tak* [tidak] ingat lirik. Dia *meme* [memang] gelisah *kat* [di] depan. (Bunyi tangisan kanak-kanak) (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) “*Abang tak* [tidak] *ingat*

lirik' (Sambil bermonolog) dia *meme* [memang] susah hati. Itu antara benda yang dia akan susah hati sekali. Kalau jumpa dia *pun* [juga], memang dia akan *ghoyat* [bagitahu] benda yang *tu* [itu]. Dia paling takut kalau saya *show* [persembahan] saya terlupa lirik pasal *show* [persembahan], saya tidak *macam* [seperti] orang lain. Kadang-kadang *seje* [sejam]. *Seje* [sejam], banyak lirik saya kena ingat. Satu *je* [satu jam]. Jadi dia_ orang rumah saya, dalam seni dia memang sehati. Daripada dia mula-mula kenal saya *pun* [juga] , dia ikut saya. Lepas itu dia pun banyak bantu saya terutama untuk pakain persembahan, iaitu *costume* [pakaian].

AR : **Dia uruskan?**

HY : Pakaian persembahan dia urus, *lepas* [selepas] itu, *group-group* [kumpulan-kumpulan] kadang-kadang dia urus. Kumpulan-kumpulan dia yang urus. Apa lagi? (Sambil mengingati) *group* [kumpulan], pakaian, makan-minum banyak dia uruslah sebab dia *tahu* [mengetahui] inilah minat *kita* [saya]. (Bunyi suara kanak-kanak) Inilah rezeki *kita* [saya] untuk jaga *apa semua* [semuanya], dia tidak pernah kata "Hai, *toksey gi dikir*" [Hai, tidak mahu pergi] (Sambil bermonolog). Dia tidak pernah kata.

HY : Dia lebih dari *paham* [faham]. Macam diri dia *dah* [sudah]. Macam *show* [persembahan], macam dia *dah* [sudah]. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa)

AR : ***Meme* [memang] isteri encik ingat *belako* [semua] lirik? Ingat semua?**

HY : Dia tidak ingat. *Tapi* [tetapi] kalau saya salah lirik dia tahu.

AR : **Dia nampak lain ke?**

HY : Kalau saya sebut salah. Dia tahu saya tidak ingat. (Suara kanak-kanak menjerit)
Tetapi kalau saya suruh dia kata, dia tidak boleh kata. Tapi saya nyanyi salah, dia tahu. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa)

AR : **Lepas *tu key* [selepas itu kan], kalau encik nyanyi salah, *nak* [hendak] buat *guano*? [Macam mana?] Encik *cover* [lindung] *guano*? [Macam mana?]**

HY : Bukan. Jadi ini melalui banyak pengalaman. Banyak pengalaman. Dia di peringkat awal *dulu* [dahulu], semua orang di dalam seni ada tingkat-tingkat dia. Tingkat_tingkat mula-mula, tengok. *Tak* [Tidak] tahu apa. Tengok atau *pun* dengar. “*Oh, ada dikir ya?*” (Sambil bermonolog) *Pas tu* [selepas itu] minat lah, peringkat kedua minat. Peringkat ketiga dia ada pecahan. (Suara kanak-kanak menjerit) minat sahaja *ko minat nak gi* [ke minat hendak pergi] dekat? Minat *nak gi* dekat [hendak pergi] sahaja *ko* [ke], minat *nak* [hendak] duduk dalam itu. Minat *nak* [hendak] duduk, duduk dalam *tu* [itu], mula tepuk. Ada kebolehan lagi, naik lagi. Ada kebolehan lagi, naik lagi. Jadi, peringkat-peringkat ini banyak *nak* [hendak] sampai peringkat_ dan makan masa. (Suara kanak-kanak menjerit) Ada yang ambil masa pendek dan ada ambil masa *panje* [panjang]. Ada satu-satu peringkat *tu key* [itu kan] Jadi melalui begitu pengalaman, umpamanya, macam ini sajalah, saya bagi *satu* [1] perumpamaan, apabila kita mahir dalam satu-satu bidang, kita menjadi *byheart* [datang dari hati] datang spontan. Dari hati kita. Dia datang dari hati kita. Maknanya kadang-kadang kesalahan kita, kesalahan saya sudah menjadi *artistic* [seni]. Apa yang salah *tu* [itu], jadi apa yang suka. *Pulak* [pula]. Dia jadi terbalik

macam *tu* [itu]. Mungkin pada peringkat awal, orang-orang baru macam saya *pun* [juga], baru belajar dulu, saya takut pada salah. Saya takut pada salah. *Bab* [sebab] kalau saya salah, saya takut orang susah. Muka saya berubah. Sekarang, salah atau tidak salah, bagi saya sama *sajo* [sahaja]. Tetapi *ore* [orang] akan suka. *Bila* [Apabila] saya buat persembahan, saya mencapai target, target saya, persembahan orang mesti suka. Orang mesti dengar. Jadi salah atau tidak salah itu bagi saya teknikal *saja* [sahaja]. Sebab objektif dia mesti sampai. “*Sampa* [sampai] apa?” (Sambil menyoal) orang mesti dengar dan orang mesti suka. (Bunyi suara kanak-kanak)

AR : **Lagu *hok* [yang] encik mula mula-mula menyanyi berdirir lagu mana?**

HY : Saya ingat tidak ingat lah lagu mula-mula *hok* [yang] nyanyi. Lagu--- bermaknanya, *maso* [masa] mula-mula nyanyi *tahun sembilan belas enam puluh tujuh* [1967], masa di Gual Ipoh [satu tempat di Tanah Merah, Kelantan]. (Bunyi suara kanak-kanak) *tahun sembilan belas enam puluh tujuh* [1967]. Lagu tu [itu] lagu rentak Hindustan, ada *satu* [satu] rentak Hindustan dulu *ko* [ke] lagu Tun Razak *dulu* [dahulu]? (Sambil mengingati) Lagu ini dinyanyikan oleh kumpulan di Kampung Bukit Bidang, Gual Ipoh Tanah Merah, *tahun sembilan belas enam puluh tujuh* [1967].

“*Tun Razak, bapak pembangunan, luar bandar nama rancangan. Berkorban untuk kesenangan, seumur hidup jadi kenangan*”. (Sambil menyanyikan dua baris lagu) *Tahun enam puluh tujuh* [1967]. Lagu kumpulan tu--- saya *tak tahu skrip sapa* [tidak mengetahui skrip siapa] cipta. Saya ingat lagi, saya nyanyi masa *tu* [itu].

Lagu Tun Razak Bapa Pembangunan. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa)

- AR : **Lagu *hok* [yang] encik buat semua-semua lagu *tu* [itu] encik *seniri* [sendiri]?**
- HY : (Bunyi suara kanak-kanak menjerit) Senikata, senikata kebanyakan *hok* [yang] dalam *enam puluh tiga* [63] lagu setakat *ni* [ini], *enam puluh tiga* [63] lagu *dah* [sudah] yang saya rekod dalam *enam* [6] album. *Enam puluh tiga* [63] lagu tadi agaknya *sembilan puluh lima peratus* [95%] *tu* [itu] senikata saya. *Hok* [yang] lain *tu* [itu], saya nyanyi semula apa orang nyanyi sebelum *ni* [ini] dalam *lima peratus* [5%] la. Saya nyanyi semula. Tetapi iramanya, dia *dua* [2] atau *satu* [1] melodi, irama dan *satu* [1] lagi senikata. Senikata yang saya kata tadi *sembilan puluh peratus* [90%] *hok* [yang] saya, skriplah, skrip, lirik, senikata *tu* [yang] itu *hok* [hak] saya. Lagu *tu* [itu] ada banyak lagu saduran. Saya masih mengikut tradisi dikir, tradisi dikir ada lagu-lagu saduran. Lagu orang lain, kita *bubuh* [jadikan] skrip kita. Tetapi lagu Tupai lagu saya. Lagu Tupai lagu irama saya. Tupai irama saya. Ada berapa lagu lagilah macam lagu Keperitan di Rimba lagu saya. Banyak lagu saya *study* [kaji]. *Tak* [tidak] banyak la sangat. *Tapi ada la* [Tetapi ada beberapa] lagu saya dalam--- *hok* [yang] lagu saya dalam *sepuluh*, [10] ke *dua puluh* [20]. (Bunyi suara kanak-kanak bercakap)
- AR : **Lagu Tupai ada encik buat nombor dua kan? Tajuk dia Anak Tupai Baru?**
- HY : Ada. Lagu Anak Tupai Baru.
- AR : ***Pas tu kan* [selepas itu kan] lagu-lagu itu semua kisah hidupkan?**

HY : Kisah lagu Tupai *ni* [ini] macam ini. (Bunyi suara kanak-kanak menangis) Saya banyak orang tanya, baru orang daripada Universiti Utara [sebuah universiti di Kedah] nak buat *Master* [ijazah sarjana muda]. “*Saya nak buat tema-tema lagu Halim Yazid*” (Sambil bermonolog) saya *nak* [mahu] tanya sebenarnya “*Tema apa?*” (Sambil bermonolog). Saya cakap “*Saya tak tidak tahu*” (Sambil bermonolog), *pasal gini* [sebab macam ini], kerja saya *bagi* [buat] lagu, buat lirik lagu, nyanyi itu adalah berkarya. (Bunyi suara kanak-kanak menjerit) Berkarya maknanya melahirkan idea. Berkarya bagi saya. *Tapi* [tetapi] tema *tu* [itu], tema *ni* [ini] apa semua berdasarkan kepada pengkaji. Dia *nak* [hendak] kaji apa, dia *nak* [hendak] kata apa, ikut dia. *Tapi* [tetapi] bagi saya, saya buat kerja saya melahirkan karya. (Bunyi muzik lagu) (Bunyi suara seorang wanita memanggil rakannya) Dia banyak bergantung kepada karya.

Hampir semua lirik *tu* [itu], termasuk lagu Tupai adalah karya saya, tetapi karya saya *sat tadi* [itu tadi] tidak boleh *nak* [hendak] kaji *balik* [semula] sebab itu saya serah kepada pengkaji. Cerita *pasal apa* [tentang] itu bergantung kepada pengkaji. Kalau pengkaji rasa begini, beginilah bagi saya. Masing-masing. Orang lain kaji macam ini, macam *ni* [ini], tema kemanusiaan, tema motivasi dan sebagainya *tu* [itu] saya serah kepada pengkaji.

AR : **Ilham *nak* [hendak] buat lagu ini ikut *tubik* [keluar]?**

HY : Kalau saya rasa *nak* [hendak] buat lagu *tu* [itu], kita rasa *nak* [hendak] buat. Kita kena buat *lalu* [terus]. Kadang-kadang *dia* [ilham] *mari dia gi* [datang dan pergi]. Kadang-kadang mari *sekerat* [sikit], *tak* [tidak] sudah sampai hari ini. *Sepuluh* [10]

tahun *dah tak* [sudah tidak] sudah-sudah lagi. Kadang-kadang *tiga* [3] jam, *dua* [2] jam sudah siap *selalu* [terus]. Setengah jam kadang-kadang siap *selagu* [satu lagu]. *Tapi* [tetapi] otak kita *ni* [ini] biasa *macam ni* [begini] kalau kita terdesak kadang-kadang memang tentu boleh. Kadang-kadang saya orang *nak* [hendak] buat lagu dalam masa setengah jam, buat siap lagu, saya buat, *jadi* [menjadi].

AR : ***Tapi dok* [tetapi] kebanyakan encik lagu buat *mace* [macam] Bangkit Asal tentang kisah hidup, jadi kita dengar lagu *tu* [itu] kita *tahu dah* [sudah tahu].**

Itu sebenarnya *point* [idea] saya, idea saya. *Bila* [apabila] saya *nak* [hendak] buat album, saya *nak* [hendak] mula muncul dalam dunia dikir setelah saya faham apa itu dikir, saya boleh main dikir, maka saya *nak* [hendak]_ apa yang saya *nak* [hendak] buat? Jadi saya fikir dan fikir, yang terbaik saya buat *satu* [1] benda yang realiti. Realiti yang bagus ialah pasal diri saya. *Pasal* [sebab] saya tahu. Jadi saya buat percubaan dengan lagu Bakit Asal. Percubaan lagu Bakit Asal tadi, lepas *tu* [itu] berjaya. *Dia* [lagu] itu diterima oleh orang. *Pasai apa?* [Sebab pa?] (Sambil bermonolog) Orang lebih suka benda *hok* [yang] betul, *sa* [satu] lagi, benda itu *pun* [juga], macam satu cerita. Benda betul dan macam satu cerita lepas *tu* [itu], kita kata pada diri kita, semua orang bukan_ *tak* [tidak] suka kata pada orang lain, orang *tu dok* [itu tidak] suka. Jadi lebih baik kata *kok* [pada] kita. Orang *pun* [juga] suka. Apatah lagi orang kita benar. Sebab itu, Bangkit Asal Satu *diorang* [mereka] suka.

AR : **Kalau encik perasaan, lirik lagu encik pernah digunakan dalam *soundtrack* [runut Bunyi] cerita Budak Kelantan. Adakah mereka ada meminta izin encik**

dahulu?

HY : Ada dan dia bayar. Itu Grand Brilliance. Grand Brilliance anak syarikat TV3 buat. Dia ambik *tiga* [3] lagu saya. Lagu Tupai, Aku Hanya Nak Ke Seberang, lagu apa lagi *satu* [1] lagi, *tak* [tidak] ingat_ *tiga* [3] lagu.

AR : **Itu *meme* [memang] encik rakam balik [kembali] ke dia ___?**

HY : Tidak. Dia ambil album daripada yang *dah* [telah] saya rakam. Dia masukkan *ja* [sahaja] Mungkin dia ada *edit-edit* [ubah] sedikit *ja* [sahaja]. *Touch up* [perbaiki] sikit-sikit la.

AR : **Encik ingat *dok* [tidak] bila encik rakam lagu Tupai *tu* [itu], Bangkit Asal *gapo* [semuanya]?**

HY : *Tahun dua ribu* [2000]. Kalau tidak *tahun dua ribu* [2000], *tahun dua ribu satu* [2001]. Saya tidak berapa ingat. *Tapi* [tetapi] album diterbitkan *tahun dua ribu* [2000]. *Sorry* [maaf]. (Sambil meminta maaf) Album diterbitkan *tahun dua ribu satu* [2001]. Bermaknanya saya rasa *recording* [rakaman] *tahun dua ribu satu* [2001] *jugaklah* [juga].

AR : **Dalam banyak-banyak lagu yang encik buat, lagu apa encik paling suka?**

Awak suka lagu *gapo* [apa]? (Sambil menyoal penemurah)

Saya suka lagu Tupai _____ sejak *kecik* [kecil] lagi. Lepas *tu* [itu] lagu Bangkit Asal.

Awok suka lagu gapo? [Awak suka lagu apa?] (Sambil menyoal penemuramah)

kedua)

NHY Saya *tak* [tidak] faham. Saya baca jugak lirik-lirik dia *tu* [itu]. *Tapi* _ _ _ (Ketawa)
(Bunyi suara ketawa)
Owh, *tak* [tidak] faham. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Saya suka semua lagu saya. Lagu _ _ _

NHY **Paling *favourite* [kegemaran], isteri minat lagu apa?**

Isteri, dia--- dia *tak* [tidak] bagitahu. Saya *tak* [tidak] tahu. Dia *tak* [tidak] beritahu. Dia tidak pernah beritahu saya lagu apa dia *favourite* [kesukaan]. Dan saya *pun* [juga], saya tidak tahu satu *favourite* [kesukaan] apa saya suka semua lagu saya. *Tapi* [tetapi] kalau tanya lagu apa saya biasa menyanyi saya boleh bagitahu. Sebab lagu yang biasa saya nyanyi--- saya banyak menyanyi lagu yang diminati oleh orang. Sebab orang yang *nak* [mahu]. Sebenarnya, sebab, sebenarnya dikir, lagu saya bukan untuk saya untuk orang lain. Jadi sebab *tu* [itu] saya minat. Walaupun bukan untuk saya, *tapi* [tetapi] saya suka semua. Lepas *tu* [itu] orang minat, banyak minat ada *tiga* [3] lagu lagu Tupai, lagu Bangkit Asal Satu, lagu Bangkit Asal Dua. Itu antara *tiga* [3] lagu yang sangat diminati oleh orang biasa. *Tapi* [tetapi] orang yang mendalami sikit dia minat lagu lain lagi. Orang yang berfikir lagi berminat lagu lain. Bermaknanya, agaknya, lagu-lagu saya *ni* [ini], yang saya buat *ni* [ini] ada *level-level* [tahap-tahap] tertentu. Orang *ni* [ini] dia fikir macam *ni* [ini] dia sedap lagu *ni* [ini] kerana *artistic* [seni] dalam lagu saya bukan suara dan bukan muziknya, muzik *tak dak apa pun* [tidak mempunyai apa-apa], sebab kita dikir. Kekuatan dalam lagu saya sebenarnya pada skripnya. Pada lirik dan pemikirannya

bukan pada irama dan suaranya. “*Suara sedap ramai lagi*” (Sambil bermonolog). *Tapi* [tetapi] katanya tidaklah orang komen macam lagu saya. Lagu saya ramai komen kerana banyak orang komen skripnya. Ramai dalam Facebook kata saya *legend* [lagenda], orang kata, *saya dok* [saya tidak]. Orang yang kata. *Tapi saya tak* kata. [tetapi saya tidak]

AR : **Setiap kali persembahan, encik akan mengambil berapa bayaran?**

HY : Saya bukan artis. Saya tidak tetap harga. Kalau artis dia tetap harga. “*Dia gini, dia dok leh harga gini*” [“Dia begini, dia tidak boleh harga seperti ini”] (Sambil bermonolog) kita *tidak* [bukan] artis. Bila kita *tidak* [bukan] artis saya kira bincang dengan orang yang panggil saya. “*Jangan menyusahkan awak, jangan menganiayakan saya*” (Sambil bermonolog). Jadi saya menilai pulak satu penilaian yang lain, setinggi mana awak menghormati saya, awak anggap saya kedudukan *level* [tahap] tinggi mana? Saya *pun* [juga] menganggap awak setinggi *tu lah* [itulah]. Jadi kalau dia kata nilai saya *seratus* [100] ringgit, saya nilai dia *seratus* [100] *ringgit lah* [ringgit juga]. Saya *tak* [tidak] rugi *pun* [juga]. *Pasai* [sebab] dia orang *seratus* [100] ringgit. Maknanya--- *Tapi* [tetapi] rata-ratanya_ *normally* [kebiasaannya] orang bagi *meme tak* [memang tidak] tentu. Kalau kawan baik saya, pernah dikir sekali dulu dekat *UM* [Universiti Malaya], sekarang kerja memegang jawatan kerajaan besar, semasa pernikahan anak dia, saya *gi free* [pergi percuma] atau *pun* [juga] peminat saya betul-betul, naif sangat minat saya, duduk di Perlis “*Saya tidak ada duit encik Halim, saya peminat Encik Halim, Encik Halim mari* [datang] ---” (Sambil bermonolog) saya *gi dikir free* [bagi percuma]. *Tapi* [tetapi]

setengah tempat ada orang bagi mahal. Jadi *tak* [tidak] tentulah. *Tapi normal* nya [kebiasaannya] dalam sekitar *empat sehingga lima ribu ringgit Malaysia* [RM4-RM5 ribu] *gitu lah* [begitu]. (Bunyi ketukkan meja)

AR : (Bunyi ketukkan meja sepanjang perbualan)

Berapa banyakkah lagu dikir yang encik pernah nyanyikan sepanjang encik berkarya?

HY : Lagu saya, *masa* [apabila] *nak* [hendak] rekod, mesti saya menyanyi, maknanya *enam puluh tiga* [63] *dah* [sudah] lagu saya nyanyi. Lagu-lagu lain, lagu-lagu cikgu saya, guru dalam dikir saya. Saya nyanyi apa semua. *Seratus* [100] lebih *kot* [juga]. Lagu dikir *seratus* [100] *lebih la* [lebih juga].

AR : **Encik berdirikan, *tak* [tidak] berguru dengan *sapa kan?* [siapa kan?]**

HY : (Bunyi suara orang berbual) Saya berguru, begini, orang *dulu* [dahulu] kata berdirikan barat tidak perlu berguru, atau *pun tak* [juga tidak] boleh berguru *pasai gini* [sebabnya seperti ini] dia *tak dok* [tidak ada] akademik, jadi dia tidak reti untuk ajar. Dia kata "*aku nak ajar macam mana?*" (Sambil bermonolog). Sebenarnya, segala semua benda kalau kita *study* [belajar], ia boleh dibuat silibus ianya boleh diajar. Segala benda ilmu dalam dunia ini boleh dibuat. Apabila kita ada ilmu pengetahuan akademik, kita belajar dengan cara tersendiri. Contohnya "*Abang saya nak belajar dengan abang*", (Sambil bermonolog). Orang yang *dulu* [dahulu] kata "*Aku tak reti nak ajar*". "*Okey tak pa lah tak reti nak ajar*". "*Abang, kita nak tanya*", ["Aku tidak tahu bagaimana mahu mengajar". Baiklah, tidak mengapa jika tidak tahu

bagaimana mahu mengajar”. “Abang, kita mahu bertanya”] (Sambil bermonolog). *Tapi* [tetapi] dia jawab. Belajar *dah tu* [sudah itu]. Saya susun balik. Jadi ada beberapa orang cara saya belajar ialah pergi bertanya kepada tokoh-tokoh dikir yang lama. Sekarang mereka sudah meninggal dunia semuanya. Macam saya kata *legend-legend* [lagenda-lagenda] tadi lah. Belajar tokoh dikir-dikir lama. Lepas itu saya *study* [kaji] lagu-lagu dia dengan senikata dia. Lepas tu kena_ apa ini kita panggil “*Awak pernah dengar literature rivew?*” (Sambil menyoal penemuramah) kita buat juga *literature rivew* dalam dikir *pun* [juga]. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Kena pergi cari dekat *library* [perpustakaan]. Orang tulis *dikir gapo dia* [dikir itu apa sebenarnya]. Itulah cara saya belajar. Dari segi praktiknya, “*Abang, try* [cuba] *dengar, setara ni* [macam ini] *saya nyanyi okay?*”, “*Ha, tinggi ni, rendah sedikit*” (Sambil bermonolog) itu praktik. _ada orang.

AR : **Encik bergerak berseorangan, tidak ada *group* [kumpulan] kan?**

HY : Saya berseorangan. Tidak ada *group* [kumpulan]. *Tapi* [tetapi] kalau *group pun ada la* [kumpulan juga ada] jugak *tapi* [tetapi] pergi bergerak dengan *group* [kumpulan] tidak. Pergerakan berseorangan *tapi* [tetapi] secara tidak langsung melibatkan kumpulan dan kumpulan.

AR : **Adakah encik mempunyai rakan rapat dalam dunia dikir barat? Macam kawan baik dalam dikir barat? Mungkin encik berkongsi hobi yang sama dengannya?**

HY : *Hok tu meme* [yang itu memang] saya *tak* [tidak] tahu dalam dikir ini sebenarnya

saya rapat *belako* [semuanya] kawan rapat *belako* [semuanya] dalam fikir. Sebab kawan ini atas kapasiti apa? Maknanya masa persembahan sekali, rapatlah dia. *Tapi* [tetapi] dia duduk di Kelantan, saya *duk* [duduk] di Kuala Lumpur. Masa *tak dok* [tiada] persembahan, *tak* [tidak] rapat. Kadang-kadang jumpa *kat* [di] dalam studio masa *recording* [rakaman]. Rapatlah dengan saya. (Bunyi batuk) Lepas masa *tidak* [bukan] studio, dia duduk jauh. Jadi susah saya hendak kata kawan rapat macam mana kecuali kawan yang rapat ini *bila* [apabila] kawan secara peribadi mungkin rapat. *Tapi tak sama lah* [tidak sama juga] Ada kawan peribadi_ rapat. Ada kawan *dok* [tidak]. *Tak* [Tidak] sama. Jadi dari segi fikir ini kadang-kadang apa yang saya *bawak* [bawa], orang lain tidak bawa macam saya, jadi bagi saya tidak kawan. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Betul *dok* [tidak]? Bagi saya fikir bukan hiburan--- contohhiburan semata-mata. Bagi dia fikir--- untuk keutamaan fikir digunakan untuk hiburan. Jadi dia bukan kawan saya. *Tapi* [Tetapi] tiba-tiba dia duduk sekali makan sup dengan saya, jadi dia kawan saya. Jadi payah *nak* [hendak] cakap.

AR : **Encik pernah merekodkan berapa buah album?**

HY : *Enam* [6] buah album.

AR : **Bilakah encik mula-mula merekodkan album dan ada berapa buah album?**

HY : *Tahun sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998] dan *tahun dia ribu satu* [2001] lepas itu saya tidak ingat. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Albumnya saya ingat iaitu Angin, Inovasi, *Tahun sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998] ada album Angin ada Bangkit Asal Satu [1], lepas itu Inovasi ada Bangkit Asal Dua [2]

dan lagu Tupai yang *popular* [sohor] lah. Infiniti, Sarana, ada lagi *dua* [2] yang saya *tak* [tidak] ingat dan yang *last* [terakhir] sekali Destini

AR : **Kiranya sudah lama encik merekodkan lagu?**

HY : *Tahun sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998]

AR : **Adakah encik ada perancangan untuk merekod album baru?**

HY : Saya *duk* [sedang] tengah merekod *lani* [sekarang]. Tetapi tidak *tubik* [keluar] lagi. Masih dalam pembikinan dan masih tidak siap lagi. Tidak *tubik* [keluar] lagi.

AR : **Selalunya encik buat *recording* [rakaman] biasa merekodkan lagu di mana? Adakah di Kelantan atau di Kuala Lumpur.**

HY : Di *KL* [Kuala Lumpur]. Dia ada banyak studio. Di *KL* [Kuala Lumpur] ada. Di Pontian Johor ada. *Dulu* [Dahulu] kebanyakannya di--- macam Angin dan Inovasi, studio dia di Subang Jaya [adalah salah *satu* [1] kota yang terletak di Petaling, Selangor, Malaysia, dalam kawasan Lembah Kelang]. Ada *satu* [1] studio di Subang Jaya. Kemudian kawan saya ini, berpindah balik ke Pontian, saya pergi ikut buat *recording* [rakaman] dekat Pontian. *Tapi* [Tetapi] sekarang ini sudah terlalu jauh dan dia *pun* [juga] tidak sihat, saya kena cari tempat lain. Sebab itu saya rekod dekat Bangi [adalah sebuah bandar kecil yang terletak di selatan daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia.]. Itu *tak dak* [tidak] menjadi masalah di mana-mana pun saya melakukan *recoding* [rakaman]. (Bunyi mesin air di restoran)

AR : (Bunyi mesin air di restoran)

Bilakah jangkaan encik untuk album baru ini akan *release* [pasar]?

HY : Album baru ini saya *nak* [hendak] kata *release* [pasar] rasa tidak kerana kalau *release* [pasar] akan terlepas ke *internet* [internet]. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa)
Sekarang ini saya tengah *duk* [sedang] fikir *macam mana* [bagaimana] cara untuk mengurangkan sikit *la* [sedikit] risiko *upload* [memuat naik]. *Upload* [memuat naik]--- *Dulu* [Dahulu] cetak rompak boleh dikawal lagi, *upload* [memuat naik] lagi payah *nak* [hendak] kawal. Kita buat, nanti kita bagi sedekah dekat orang. Orang tidak beli *pun* [juga]. Bagi sedekah *kat* [dekat] orang. Jadi *lani* [sekarang] saya *duk* [duduk] fikir supaya orang yang dapat album saya *tu* [itu] orang hanya orang yang betul-betul memahami seni, minat seni dan sayang kepada karya saya. Dan dia--- apa *ni* [ini], kebarangkalian untuk dia melepas kepada orang ramai yang *tak* [tidak] bertanggungjawab itu kurang. Maka kurang kebangkalian itu, maka dia sayang, dia pegang. Jadi salah *satu* [satu] cara yang saya *duk* [duduk] fikir, saya *nak* [mahu] jual *direct* [langsung]. Maksudnya beritahu dalam Facebook, peminat saya *order* [tempah] dengan *SMS* [sistem pesanan ringkas], (Bunyi di restoran) *bank in* [masukkan duit] duit dan saya pos. Saya tandatangan, jadi mereka sayang. Dia tidak akan lepas sebab dia sayang. Kalau saya lepaskan ke *Wakaf Che Yeh* [sebuah daerah di Kota Bharu] malam ini, malam *ni* [ini] jugak penuh di *YouTube*, semua orang seluruh dunia boleh *download* [muat turun]. (Kawannya mengiayakan)

AR : **Apakah tajuk album encik yang paling laris terjual?**

HY : Inovasi.

AR : **Album ini yang nombor keberapa?**

HY : Nombor *dua* [2]. Yang ada lagu Tupai. Inovasi *hok* [yang] kira sahaja selama *tujuh* [7] tahun saya jual kaset saya bilang *lapan puluh ribu* [80,000] keping terjual. *Tujuh* [7] tahun *lani* [sekarang] berapa tahun sudah? (Sambil menyoal penemuramh) *Lani* [sekarang] sudah *dua belas* [12] tahun. *Tahun dua ribu satu* [2001] sudah *dua belas* [12] tahun. Saya kira sehingga *tujuh* [7] tahun lepas itu saya tidak kira *dah* [sudah] lagi sebab *tujuh* [7] tahun *tu* [itu] pakai kaset. Maknanya, saya sudah *tubik* [keluar] *lima tahun* [5] dan saya *overlap* [pertindihan] dengan *CD* [Compact disc], *lima* [5] tahun lepas *tu* [itu] saya mula terbitkan *CD* [Compact disc], sekarang tinggal *CD* [Compact disc] sahaja, kaset sudah tidak ada.

AR : **Bilakah encik menggunakan CD [Compact disc]?**

HY : *Tahun dua ribu lima* [2005] kot. Saya tidak ingat. *Tahun dua ribu enam* [2006] *gitulah* [macam itulah]. *Tahun dua ribu enam* 2006, *Tahun dua ribu tujuh* [2007] menggunakan *CD* [Compact disc], audio (Bunyi lagu melalui corong radio)

AR : **Apakah kenangan manis encik sepanjang bergelar pendikir barat? Ada orang bagi hadiah ke, sumbangan ke?**

HY : (Bunyi lagu melalui corong radio)

“*Hai, banyak*”. (Sambil mengeluh) *Nak* [mahu] Tanya--- Sepatutnya soalan ini ditanya kelmarin untuk saya fikir untuk jawab hari ini. Pasal kena--- Yang mana *satu* [1] paling manis? (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Manis dia ada banyak. *Tapi tak*

[tetapi tidak] tahu_ kalau saya cerita yang manis, sekejap lagi saya balik ada lagi *satu* [1] yang manis yang terlupa *nak cakap kan* [hendak cakapkan]. Jadi maknanya kita kira *gini lah* [beginilah], kita kira saya sangat manis menjadi Halim Yazid yang terlibat dalam dikir barat. Itu semua menjadi kenangan manis saya sebab apa saya disayangi oleh ramai peminat saya. Orang saya sayang *satu* [1] kenangan manis. *Meme* [memang] orang sayang ke saya *satu* [1] kenangan manis. Hari ini *dah* [sudah] *tiga puluh empat* [34] ribu lebih orang *like* [suka] dalam Facebook saya. Itu semua yang sayang dekat saya. Sangat kenangan manis. (Bunyi orang berbual di restoran)

AR : **Apakah kenangan pahit encik sepanjang bergelar seorang pendikir?**

HY : Kenangan pahit ada jugak. _kadang-kadang *mace* [macam] tidak pahit sangat, *tapi* [tetapi] *ada lah* [ada juga] kadang-kadang ada orang mengguna nama saya untuk benda-benda yang *tak* [tidak] sepatutnya. *Pastu* [selepas itu] ada orang mengatakan, “*Halim Yazid sibuk, awak nak jemput Halim Yazid, awak tak kenal Halim Yazid, dia bagi awak kenal lah Halim Yazid. Dia memang kenal pun. Dia cakap. Halim Yazid sibuk waktu ini, tak leh, pah tu* [tidak boleh, selepas itu] *awak panggil dia dikir.* (Sambil bermonolog)

AR : **Saya ada buat sedikit kajian di internet, dan saya taip *keyword* [kata kunci] “*Halim Yazid Meninggal Dunia*”.**

HY: : Itu baru kelmarin. *Tapi* [tetapi] sebelum ini *pun* [juga] ada *dah* [sudah]. Jadi *hok* [yang] ini saya kira macam ini; dalam dunia *glamour* [terkenal] dia banyak dengan

rumours [desas-desus] dan khabar angin, *pasal* [sebab] tidak semua orang itu tahu dengan tepat kecuali awak *mari* [datang] berjumpa dengan saya, baru awak tahu dengan cepat. Awak akan tahu atas awak dan atas awak, ada orang yang ke *seratus* [100] *meme* memang bukan khabar angin tetapi khabar ribut. Jadi bagi saya benda seperti ini adalah perkara biasa. *Tak dok* [tiada] apa-apa. Tetapi *lani* [sekarang] adanya Facebook, semuanya mudah dikawal, dalam Facebook saya *dok ghoyat* [bagitahu] berapa kali saya bukan artis dan saya bukan menteri dan saya bukan pegawai *hok* [yang] *dok leh nak* [tidak boleh] jumpa saya, sebab itu saya letak nombor [telefon] supaya mengurangkan kekeliruan, orang keliru, orang musykil dan masalah *direct* [terus] tanya saya. (Bunyi orang berbual dan bising di restoran)

AR : **Bagaimanakah encik berhubung dengan peminat encik, adakah melalui media Facebook sahaja atau Twitter?**

HY : Tidak, saya hanya menggunakan laman sosial internet, hanya Facebook sahaja. Sebab banyak perkara benda dan saya takut saya bosan. Pakai Facebook saja kira urusan_ pakai situ saja. (Bunyi kerusi)

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

AR : **Pernahkah encik mendapat sebarang anugerah sepanjang bergelar seorang pendikir barat?** (Bunyi suara orang berbual)

HY : Saya *tak dok* [tidak] anugerah apa-apa diberi oleh *sapa-sapa* [siapa]. Anugerah

perkataan banyak. Orang menganugerahkan dengan perkataan-perkataan _ peminat saya sebut dalam Facebook, peminat sebut anugerah itu ialah Dato', ramai peminat kata "abang dah [sudah] patut boleh Dato', Encik Halim sudah boleh dapat Dato'" _ _ _ _ _ apa ni [ini] jumpa-jumpa_ boleh Dato' (Sambil bermonolog) sehingga kini pada bulan puasa, saya sembahyang, sembahyang Terawih di USJ [Subang Jaya adalah salah satu kota yang terletak di Petaling, Selangor, Malaysia, dalam kawasan Lembah Kelang], jumpa kawan lama saya, _ gini [begini] "Aku tak [tidak] cara mu [kisah kamu] Dato' ke dok [tidak] Dato', aku nak [hendak] panggil Halim, aku toksey [tidak mahu] panggil mu [kamu] Dato' ". Tapi [tetapi] dia ingat saya Dato' pasal rumors [khabar angin] itu banyak_ _ _ _ _ kata "Abang dah [sudah] patut boleh dah [sudah] Dato' ". (Sambil bermonolog) Tetapi bagi saya itu tidak penting. Bagi saya tidak penting. Saya dok leh [tidak boleh] Dato' ke boleh Dato' ke, itu tidak penting sebab saya enjoy [gembira] apabila orang sayang dekat saya. Sebab bagi saya keikhlasan hati peminat, keredhaan mereka adalah satu [1] kuasa yang besar. Saya pernah tulis dalam Facebook saya tiga [3] kuasa; kuasa satu [1], kuasa fizikal daripada sekumpulan manusia yang dibantu oleh senjata contohnya pemberontak, polis, askar. (Bunyi orang berbual) Kuasa lain ialah yang kedua ialah tanda tangan dan hukuman. Awak--- orang lain tidak boleh masuk ke tanah awak. Sebab apa? (Sambil menyoal penemuramah) awak ada geran tanah. Geran tanah awak itu satu [1] kuasa dan kuasa lain, anak saya tak leh [tidak boleh] masuk Sekolah Tengku Faris [sekolah rendah di Pengkalan Chepa, Kelantan, sebab kalau [kalau] pengetua_ tapi [tetapi] pengetua kerana sayangkan saya dia masuk anak saya ke Sekolah Faris. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa)

Itu kuasa keikhlasan, redho hati manusia. Jadi saya *gi* [pergi] mana-mana. Kalau saya jalan mana-mana, Gua Musang [tempat di Kelantan] hingga Kuala Besar [tempat di Kelantan], saya rasa saya jalan saya *tak* [tidak] lapar. Semua orang *nak* [hendak] belanja saya makan. Itu *pun* [juga] bagi saya kuasa. Semua orang *nak* [hendak] tolong saya. Itu bagi saya kuasa. Dan kuasa ini lebih jitu dari saya dan kekal. Kalau saya ketua jabatan, saya bos, saya naib cancellor ke, saya *tu* [itu]--- orang sayang saya masa saya boleh *sign* [tanda tangan] dan bagi awak *tender* [projek], bagi awak naik pangkat. Orang sayang. *Bila* [apabila] saya pencen, kalau boleh orang *nak* [mahu] ludah ke muka saya bila saya pencen. Orang yang sayang kepada saya *ni* [ini] sampai bila-bila peminat saya akan sayang *kat* [dekat] saya. Sebab saya *tak* [tidak] habis, pangkat saya tidak habis. Jadi ia Dato' lah *tu* [itu] saya. Saya Dato' la. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) *Betul dok?* [Betulkan?] (Sambil menyoal penenemuramah) *Tak pa* [tidak apa] *pun* [juga] dianugerah tidak penting, sebab penganugerahan *tu* [itu] untuk orang tengok jugak. Sekarang ini orang tengok *dah* [sudah] saya. Jadi orang yang menganugerahkan Dato' supaya bagi orang lain tengok "*hebatnya kau, Dato' "* "._orang lain kata saya hebat *dah* [sudah], jadi tidak perlulah_ bagi saya. Kalau orang *nak* [hendak] bagi, boleh juga. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Bagi saya *meme* [memang] beres.

AR : **Adakah encik pernah memasuki mana-mana pertandingan dikir anjuran RTM?**

HY : *Dulu* [Dahulu] ada. Lama-lama *dulu* [dahulu]. *Tapi lani* [Tetapi kini] saya rasa bukan *saja* [sahaja] saya *tak* [tidak] masuk pertandingan, bahawa saya *pun* [juga]

sekarang *dah* [sudah] mula *against* [mengelak] kepada pertandingan. *Kan saya cakap dengan awak kan*, [seperti yang saya cakap kepada awak] (Sambil menyoal berkata kepada penemuramah) kita hidup ni *level* [tahap] lain-lain, sampai pada *satu*[1] peringkat saya *tak* [tidak] suka pada pertandingan, sampai pada *satu*[1] peringkat lagi saya tidak suka jadi--- mula-mula *tak* [tidak] suka jadi hakim, *dulu* [dahulu] saya terlibat *belako tu* [semua itu], *dulu* [dahulu] saya masuk bahagian bertanding, lepas itu saya pernah *complaint* [menegur] kalau saya kalah, lepas itu saya jadi hakim. *Pas tu* [selepas itu] sampai satu peringkat saya *toksey* [tidak lagi ingin] *jadi* [menjadi] hakim. Sampai *satu* [1] peringkat saya *toksey* [tidak lagi ingin] bertanding. *Tak* [tidak] suka *pada* [kepada] pertandingan. Tetapi itu pendirian saya sebagai, saya rasa atas sesuai untuk saya. (Bunyi kerusi) Saya *tak ceykap tuk* [tidak larat untuk] bertanding. *Pasai* [sebab] saya dia perlu bertanding. *Paham tak?* [Faham tidak?] (Sambil menyoal penemuramah) Bagi saya *tak pada* [tidak kepada] pertandingan dan saya *tak* [tidak] suka *pada* [kepada] pertandingan. *Tak* [tidak] suka jadi hakim. “*Bakpo mu bengong? Ikut aku. Aku gila ko aku bengong ikut aku. Ikut aku. Pasai aku. Aku tahu cara seniri. Aku tau apa yang aku buat*”. [Kenapa kamu bengong? Ikut aku. Aku gila ke, aku bengong ikut aku. Ikut aku. Sebab aku. Aku tahu cara aku sendiri] (Sambil bermonolog)

AR : **Adakah encik menerima sebarang persembahan?**

HY : Persembahan boleh. *Tapi* [tetapi] jangan pertandingan dan melibatkan hal ehwal yang bertanding. Untuk buat *show* [persembahan], itu memang sampai bila-bila saya akan buat. Selagi orang *nak* [mahu] *kat* [dekat] saya sehingga saya tidak ada

suara *pun* [juga] kalau orang *nak* [mahu] saya saya akan buat_ *tu*[itu]. (Bunyi suara orang bercakap)

AR : **Jikalau ada tawaran untuk encik berlakon dan buat video klip, adakah encik mahu?**

HY : Itu bergantung kepada video klip itu apa dan lakonan itu fesyen apa. *Tapi* [tetapi] yang jelasnya saya cakap saya bukan pelakon. Yang nyata saya bukan pelakon. Saya bukan artis. Saya cakap banyak kali saya bukanlah artis dan saya orang dikir. Bagi saya artis dan orang dikir tidak sama.

AR : **Adakah encik mendorong anak-anak encik untuk terlibat dalam dikir?**

HY : Saya bagi galakan bukan *saja* [sahaja] pada anak-anak saya, saya akan bagi galakan *pada* [kepada] semua orang seluruh dunia *nak* [mahu] dikir. Dan saya kalau saya ada masa saya akan bantu semua orang, orang *nak* [mahu] dikir tetapi arah dan tahap galakan saya mungkin berbeza-beza. “*Dengan Kal saya cakap pasai* [tentang] *lain, dengan awak mungkin saya cakap pasai* [tentang] *lain _ _ _ _ _*” (Sambil memberi contoh) saya rasa apa yang saya faham pasal awak *tak* [tidak] sama dengan apa saya faham *pasai* [tentang] Kal. Mungkin anak saya *pun* [juga] sama. Jadi anak saya *hok ni* [yang ini] saya cakap macam ni, *hok ni* [yang ini] saya acakap macam *ni* [ini], jadi ada orang *nak* [mahu] belajar dikir ngan saya kadang-kadang saya suruh dia lari keliling padang *dulu* [dahulu] , ada orang belajar dikir saya cakap macam *ni* [ini] , ada orang saya suruh dia menyanyi *dulu, tak* [dahulu, tidak] sama.

AR : **Anak encik ada *lapan* [8] orang, dalam ramai-ramai anak encik yang manakah menunjuk minat dalam berfikir?**

HY : Amy seorang sahaja. *Tapi* [Tetapi] saya *tak* [tidak] berapa galakkan sebab dia perempuan. Saya *tak* [tidak] berapa galak. *Tapi* [Tetapi] kalau dia *nak* [mahu] *jugak* [juga] saya *tak* [tidak] *nak* [mahu] boleh buat apa. (Bunyi suara orang berbual) Amy antara--- Amy ini bukan sahaja terlalu minat dikir, *tapi* [tetapi] dia terlalu--- agaknya terlalu--- sama *ja* [sahaja], anak sapa-sapa sama *ja* [sahaja], arwah ayah saya kata "*Anak ini macam jari kita, nampak macam tidak sama, tapi kalau orang kata "mari jari mu sa aku nak kerat, mu nak bagi hok mana? Kita tidak tahu nak bagi yang mana, kerat lah mu kerat ikut hok mu nak hok mana"* (Sambil bermonolog). Jadi saya fikir serupa dengan ayah saya. Anak kita sama. Cuma Amy ini dia ni--- kalau saya dikir dia suka--- dia *tak* [tidak] pernah kata *tak mau* [tidak mahu] ikut. *Hok* [yang] lain *nak gi* [mahu pergi] ikut dikir, bukan *tak mau* [tidak mahu] sepanjang masa, Amy *tak* [tidak] kata *tak nak* [tidak mahu]. Dia selalu ikut. Dia minat.

AR : **Setiap kali encik melakukan persembahan, adakah encik akan melakukan latihan dahulu ke atau pergi *spontan* [terus]?**

HY : *Dulu* [dahulu] berlatih. (Bunyi kerusi) Sampai *satu* [1] peringkat ada berlatih dan ada *tak* [tidak] berlatih. Sekarang ini bukan berlatih sebenarnya, tetapi perlu berfikir Tetapi kalau *bawak* [bawa] kumpulan, mungkin kita akan berbincang dengan kumpulan apa yang kita *nak* [hendak] buat. Macam berlatih *jugaklah* [jugalah]. (Bunyi mesin air di restoran) Tetapi tidak berlatih dalam erti kata sebenar. Yang

lebih penting ialah berfikir. Berfikir macam mana *nak* [hendak] untuk *nak* [mahu] buat persembahan.

AR : **Apakah perasaan encik ketika berada di atas pentas ketika melihat penonton yang ramai?**

HY : Saya lagi ramai, lagi bagus. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) Bagi saya kalau *dua puluh peratus* [20%] bangun dan pergi *masa* [semasa] saya di pentas, *bagi* [bermakna] saya persembahan saya gagal. *Dua puluh peratus* [20%]. Kata orang ada *seratus* [100] orang masa saya *dok* [sedang] tengah menyanyi di pentas dia *dua puluh* [20] orang berdiri dan pergi bagi saya itu gagal. Walaupun pergi seorang dan seorang. Bagi saya gagal. _ Kalau saya di atas pentas. Pastikan orang *tak* [tidak] pergi ke mana-mana dan orang suka sampai saya habis buat persembahan. Jadi saya *tak da nak* [tidak ada mahu] tidak rasa apa-apa *pun* [juga] kerana kalau saya atas pentas saya sangat sibuk. Sesibuk saya untuk memastikan mereka itu sampai, seronok dengan apa yang saya *nak* [hendak] sampaikan.

AR : **Apakah persembahan yang encik paling ingat dan tidak dapat dilupakan?**

HY : Sekarang saya lupa semua persembahan. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) *Okay* [baik]. _ Saya cuba ingatlah. Saya buat persembahan di--- di antaranyalah bukan semuanya. Bukan ini *saja* [sahaja]. Di antara (Peminat beliau datang menegur beliau ketika sesi perbualan sedang berlangsung) Macam *ni* [ini], saya ambil *satu* [1], kalau saya ingat *hok* [yang] lain saya *ghoyat pulak* [bagitahu pula]. Di--- nama tempat itu Jackson Missipi [merupakan ibu negeri Missipi] Masa saya sampai di

Jackson Missipi saya kena buat persembahan pada malam itu. Di satu kelab malam. Bersama dengan kumpulan Blues. Nama dia blues itu King Edward. *Group*. Masa latihan *pun* [juga] saya sudah cukup seronok. *Pasai masa* [sebab semasa] saya *nak* [mahu] berlatih dia *dah* [sudah] tahu semua lagu saya. Group Blues ini tahu *belako* semua lagu Tupai, lagu Al-Fatihah saya. Saya dijadualkan nyanyikan lagu Tupai dan lagu Al-Fatihah saya. Dia semuanya *dah* [sudah] tahu. *Dah duk* [sudah sedang] main *dah* [sudah] kerana saya lambat sampai. Kerana orang Melayu kan kadang-kadang terlewat masa. Mat Salleh *duk* [sedang] tunggu saya. Bukan, orang kulit hitam. Apabila saya *dah* [sudah] masuk, saya berlatih dan berlatih. Malam *tu* [itu] saya buat persembahan. Semua dalam, (Sambil menunjukkan saiz kelab malam dengan membandingkan Kopitiam yang kami sedang langsungkan sesi rakaman) orang kelab malam, orang semua tepuk, orang putih campur orang hitam. Dan semua orang suka. Ini antara *hok* [yang] saya *meme* [memang] saya rasa *tak kan* [tidak akan] lupakan dalam hidup saya.

AR : **Semasa encik melakukan persembahan, *awok-awok* [awak-awak] atau karuk ini ada ?**

HY : Tidak. Saya seorang. Yang mengiring *tu* [itu] Group Blues. Lepas ini awak balik tengok dan rujuk dikir blues. Masa saya buat persembahan di Jackson Missipi. (Bunyi orang berbual)

AR : **Biasanya berapa kumpulan encik masa buat persembahan itu?**

HY : Bergantung kepada majlis juga bergantung kepada majlis, bergantung *jugak* [juga]

kepada bajet dan juga bergantung kepada penganjur. Biasanya antara muzik *lima* [5], saya seorang, antara *enam* [6] orang termasuk saya sehingga kepada *tiga puluh orang* [30] orang. *Seratus* [100] ada. *Seribu* [1000] *pun* [juga] ada. Hari itu ada dekat stadium_ dia buat *seribu* [1000] pendikir, penuh *satu* [1] stadium. *Tapi* [tetapi] kalau *hok* [yang] biasa-biasa *gini* [begini], sekitar *tu lah* [itulah]. Dalam permudahkan kata, sekitar *sepuluh* [10] sehingga *dua puluh* [20] orang. Ada *lima belas* [15] orang dan *lapan belas* [18] orang. *Tak* [tidak] tentu. (Bunyi bising di dalam restoran)

AR : **Saya ingin tanya pendapat encik mengenai generasi muda zaman sekarang terhadap dikir barat?**

HY : Bergantung kepada generasi dikir barat buat tentang dikir barat. Sekarang ini generasi muda apa yang dia fikir pasal dikir barat bergantung kepada pengiat-pengiat dikir barat sekarang. Kalau dikir barat sekarang *nak* [hendak] buat supaya orang muda ini jadi anggap dikir barat cantik maka orang muda akan jadi anggap dikir barat ini cantik. (Bunyi suara orang berbual) Jadi kalau orang dikir barat ini pucat, generasi muda nanti akan pucat. Orang akan *mikir* [fikir] dikir barat ini teruk. Bermakna ini tugas orang dikir barat termasuk saya. Aktivis termasuk saya. Jadi untuk hari ini saya rasa mereka sudah mula--- di antara mereka ada berbagai-bagai padangan. Budak *U* [universiti] melihat macam *ni* [ini]. Orang *ni* [ini] melihat macam *ni* [ini]. *Tapi meme* [Tetapi memang] untuk mendapat *perfect tak* [sempurna tidak] boleh. *Nak* [hendak] suruh semua orang suka *tak* [tidak] boleh. Ada orang *tak* [tidak] minat, ada orang minat. Ada orang suka. Sebabnya pengalaman dan

kenangan masing-masing terhadap dikir barat. (Bunyi orang berbual) jadi kalau dia pernah dari kecik tengok dikir barat ni bagus, dari kecik dia dengar lagu anak Tupai, ayah dia bagi dorongan “*Dengarlah lagu Anak Tupai, dengarlah lagu Bangkit Asal*”. (Sambil bermonolog) Dia ingat dikir barat macam itulah. Dia ingat dikir barat itu *satu* [1] benda baik sampai besar. *Tapi* [tetapi] kalau dari kecil dia dengar dikir barat mencarut, apa semua, _ sampai besar pun dikir barat itu mencarut. *Nak* [hendak] *ubah* [mengubah] pandangan masyarakat (Bunyi batuk) _ *nak ubah* [hendak mengubah] sebab itu tugas ini *meme* [memang] orang dikir barat . Bukan dikir barat *saja* [sahaja], orang-orang pentadbir seni mana-mana *pun* [juga] kena bergantung_ jadi (Bunyi batuk) sekarang pandangan orang muda adalah berbagai-bagai. Saya selalu cakap dalam Facebook saya “*Macam mana orang buta interpret* [membayangkan] *dan menceritakan tentang seekor gajah*” (Sambil bermonolog) dia dengar macam itu dan dia balik cerita ke kawannya pun macam itu. Dia pegang betis gajah, dia cerita “*Gajah macam batang pinang sahaja*”. (Sambil bermonolog) Lepas itu seorang lagi yang lain, pegang perut gajah, dia balik bergaduh, “*bukan gajah macam dinding*” (Sambil bermonolog) sebab dia *tak* [tidak] nampak. *Tapi* [tetapi] hakikatnya, sebenarnya apabila dia mendalami bidang seni ini baru dia tahu. *Tapi* [tetapi] yang nyata sekarang ialah yang paling baik sekali dikir menjadi media untuk pendidikan moral yang positif. Paling bagus lah. Kita *nak* [hendak] *taraf tu lah* [itulah] bagi saya *nak* [hendak] sampai dikir sampai *satu* [1] medium untuk menyampaikan mesej sebagai *satu* [1] institusi atau organisasi atau apa-apa untuk pendidikan moral. (Bunyi orang berbual)

- AR : **Bagi pandangan encik, bagaimanakah cara untuk menggalakkan anak-anak muda untuk meminati dikir kerana sekarangkan anak-anak muda lebih minat kepada muzik pop, RnB dan K-Pop?**
- HY : Maka sebenarnya macam ini sebenarnya, banyak cara untuk memupuk minat itu, dalam pusing-pusing cerita pun, orang tua kata “*Tak [tidak] kenal tak [tidak] cinta*”. “*Dia macam awak, walaupun awak orang Kedah, maka kalau awak kenal dikir, awak suka*”. (Sambil memberi contoh terhadap penemuramah). Sebab apa? Bila awak kenal, awak akan jumpa element-element positif dalam dikir. Lepas itu, *nak tak nak [mahu atau tidak]* walaupun kekuatan antara seni sastera, pantun, *nak tak nak [mahu atau tidak]* dikir seni adalah seni muzik. Kita *tak leh [tidak boleh]* lari dari muzik. Ada muzik dan ada lagu. Ada irama dan ada lagu. Manusia, nalurinya daripada lahir dia memang minat muzik. (Bunyi orang berbual) Naluri lahir dia memang minat muzik sebab itu pakar-pakar, bidang doktor kata kalau boleh letak muzik masa mengandung. Letak Bunyi. Sebab naluri tidak tahu apa lagi, *dah pun* minat muzik. Cuma dia tidak dikembangkan. Jadi apabila dikir ada muzik sebenarnya puncanya muzik itu boleh dikembangkan untuk menjadi orang akan ingat. Daripada *nuclues [nuklues]* muzik itu kita kembangkan daripada muzik_ mula-mula awak cuba dengar. (Sambil membuat rentak muzik). “*Awak dengar sedap tak?*” (Sambil menyoal penemuramah) Sedap. Kita buat macam ini. (Sambil menyanyikan rentak muzik). “*Sedap tak?*” (Sambil menyoal penemuramah) “*Tak [tidak] sedap!*” (Sambil menyanyikan rentak muzik). Jadi kembang benda lain pulak. Lama-lama dia akan jadi minat. Makin mendalam. Jadi itu antara benda yang memang boleh kita kembangkan dalam dikir_.

AR : **Adakah di UM [Universiti Malaya] encik mengajar sendiri pelajar yang minat akan dikir ini?**

HY : Ada tetapi saya ajar saya seperti saya kata tadi saya ajar tidak sama dengan saya ajar dahulu. (Bunyi suara orang berbual-bual) “*Aku yang dulu bukan lagi aku yang sekarang*”. (Sambil menyanyi) *Dulu* [dahulu] saya ajar lain. *Dulu* [dahulu] saya ajar cara lain. Sampai *satu* [1] hari dan peringkat saya ajar cara lain. *Dulu* [dahulu] mungkin duduk ramai-ramai. *Okay* [Baiklah]. Sekarang kita tepuk_ mungkin sekarang saya ajar cara lain lah. Macam-macam cara saya ajar. *Tapi* [tetapi] memang saya ajar. Ada waktu saya ajar.

AR : **Adakah memang terdapat permintaan dari budak-budak dari Kelantan atau luar dari Kelantan?**

HY : Campur. Sekarang semua ada.

AR : **Perempuan *pun* [juga]?**

HY : Ada permintaan dan ada penolakan. Ada kedatangan dan ada permergian. Itu biasalah. Jadi ada. *Hok* [yang] duduk dekat-dekat *dah* [sudah], tiba-tiba lari. Lari *sepuluh* [10] tahun, *mari* [datang] balik. “Sebab apa *mari* [datang] balik? Saya ingat saya sukalah abang *ghoyat* [bagitahu] *dulu* [dahulu], *sepuluh* [10] tahun lepas”. (Sambil bermonolog) Baru *nak* [hendak] belajar balik.

AR : **Adakah encik *nak* [mahu] anak-anak encik menyambung warisan encik dalam**

dikir barat? Macam Amy?

HY: “*Macam Amy tu dok?*” (Sambil mengulangi soalan penemuramah) Saya nak [mahu] bukan anak saya sahaja. Semua orang jadi sambung ikut hati saya. *Tapi* [tetapi] itu benda mustahil. (Bunyi orang berbual-bual) Benda mustahil. *Tapi* [tetapi] tidak kira *sapa* [siapa], anak saya ke semuanya sama sahaja dalam seni. Sebab dalam seni ini dia *tak dak* [tidak ada] anak. Dia serupa sahaja. Anak itu zuriat saya. Jadi dalam seni ini serupa sahaja. (Bunyi batuk) “*Maknanya kalau ada orang cina ini ingin belajar jugak dikir barat,* (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) *saya akan adjust* [cuba] *jugak supaya bagi dia sambung*”. (Sambil mengambil salah seorang pelanggan restoran sebagai contoh) Maknanya asalkan *sapa-sapa* [siapa] saja tidak kisah, anak ke jadi penyambung.

AR : **Apakah harapan encik dalam bidang seni ini pada masa akan datang?**

HY : (Bunyi bising di restoran)

Seni dikir barat biar macam saya cakap *tadi lah* [sebentar tadilah]. Biar dia jadi kita kata *satu* [1] benda yang boleh membawa kebaikan kepada semua orang. (Bunyi pinggan di susun) Ringkaskan cerita maknanya kita, kita *conclusion kan* [kesimpulankan]_ satu ayat kita bagi dia jadi *molek lah* [baiklah itu]. Buat bagi *molek* [baik]. *Molek* [baik] kita, *molek* [baik] orang. Biar jadi *molek* [baik] kita dulu._ jadi *molek* [baik] awak. Sebab saya pun dulu *tak* [tidak] *molek* [baik], makin saya mendalami dikir, makin saya rasa diri saya makin *molek* [baik]. *Dulu* [dahulu] saya *tak molek* [tidak baik]. *Tapi* [tetapi] mendalami dikir saya rasa jadi *molek* [baik]. Jadi saya harap saya *pun* [juga] akan *jadi molek* [menjadi baik]. Jadi saya

harap maknanya *molek* [baik]. Itu positif. Dalam Bahasa Inggeris *positif* [baik]. *Molek* [baik] itu dalam bahasa agama kebaikan atau pahala. *Molek lah tu* [baiklah tu].

AR : **Adakah seringkali encik di jemput oleh pihak media seperti RTM [Radio Televisyen Malaysia] untuk melakukan persembahan?**

HY : Banyak kali. Ada jemputan_ ada *jugak* [juga] saya tolak.

AR : **Sebab?**

HY : Sebab saya rasa saya buat persembahan apa yang dia *nak* [mahu] itu tidak memberi apa-apa kesan kepada apa yang saya cita-citakan terhadap seni dikir barat, maka saya *tak* [tidak] sudi

AR : **Boleh tak encik bagi contoh?**

HY : Contohnya *Salam Pantai Timur* [sebuah tayangan di TV1]. Dia panggil saya. Saya tidak pergi. Sebab bagi saya Salam Pantai Timur dia *mintak* [minta] saya buat *satu* [1] konsep yang dia buat. Bagi saya, saya *nak* [mahu] apabila saya buat persembahan, konsep itu saya boleh terima. Maknanya kalau dia *tak dak* [tidak ada] konsep itu, boleh berbincang dengan saya. Kalau dia tetapkan konsep “*kau buat macam ini*” (Sambil bermonolog) *saya* tidak akan buat macam itu. Sebab bagi saya orang seni bukan pengikut. (Bunyi orang berbual) Orang seni bukan boleh dipaksa-paksa ikut seperti apa orang *nak* [mahu]. Di situ saya keras sikit. “*Kau mesti dikir pasal BN-FN*” saya *tak nak* [tidak mahu]. Saya *tak leh* [tidak boleh]. Saya kena ada

logik saya kenapa saya perlu dikir BN-FN ini (Sambil memegang kad nama seorang rakannya sebagai contoh) (Sambil bermonolog). *Tapi* [tetapi] awak penganjur, awak *nak* [hendak] bayar, awak kata mesti *kijo* [kerja] ikut macam ini, saya *toksey* [tidak mahu]. *Tak nak* [tidak ingin]. Kecuali awak bincang dengan saya, “*Encik Halim, BN- FN macam mana? Boleh dak?*” (Sambil bermonolog) Saya kata_. Saya bincang dahulu, kita *ubah* [mengubah] sedikit dan awak *pun* [juga] terima, boleh. Atau *pun* [juga] awak serah kepada Encik Halim, boleh atau *pun* [juga] saya serah kepada encik Halim, “*Buat macam ini*” dan boleh. *Tapi* [tetapi] kalau benda itu benda yang saya suka, boleh. *Hok* [yang] kena dengan pendirian saya boleh.

AR : **Adakah encik mempunyai *fanclub* [Kelab Peminat]?**

HY : Tidak. *Fanclub tak dok* [Kelab Peminat tidak ada]. Facebook *tu ja lah* [itu sahajalah]. Macam Melalui Facebook kira *consider* [dianggap] sebagai *funclub* [Kelab Peminat]. *Funclub* [Kelab Peminat] yang betul-betul *registers* [berdaftar] sebagai *Funclub* [Kelab Peminat] tidak ada. “*Awak la buat*”. (Sambil menyeloroh) (Ketawa) (Bunyi suara ketawa)

AR : **Adakah encik selalu *online* [melayari internet] selalu Facebook encik?**

HY : Saya online [melayari internet] *sokmo* [selalu]. Kecuali--- *Dua puluh empat* [24] jam. *Fb* [Facebook] Sepanjang masa.

AR : **Selalu *update* [kemaskini] ke?**

- HY : *Update* [kemaskini] *sokmo* [selalu]. Kebanyakannya sehari *dua* [2] hingga *tiga* [3] kali. Jarang sangatlah kalau sampai *tiga* [3], *empat* [4] hari. Jarang. Kecuali terlalu sibuk sangat. (Bunyi orang berbual) *Update* [kemaskini] sepanjang masa.
- AR : **Encik cerita berkaitan bidang seni ke?**
- HY : Nanti awak *study la* [belajariah]. Kadang-kadang saya cerita benda pelik-pelik. (Ketawa) (Bunyi suara ketawa) awak cuba tengok. Kadang-kadang benda pelik pelik. Benda yang saya rasa saya perlu. (Bunyi bisung di restoran) Saya rasa perlu *update* [kemaskini] saya *update lah* [kemaskinilah]. Kadang-kadang orang biasa *tak* [tidak] rasa benda itu tidak bermakna pun, *tapi* [tetapi] saya buat. (Bunyi suara orang berbual)
- AR : **Bagaimana hubungan encik dengan para wartawan?**
- HY : Saya tidak ada masalah. *Sapa-sapa mari nak* [siapa-siapa datang mahu] jumpa saya, saya tidak ada masalah. *Tapi* [tetapi] dia *tak nak* [tidak mahu]. Barangkali dia *tak nak* [tidak mahu], sebab itu dia *tak mari* [tidak datang] sebab bidang seni saya bukan untuk *glamour* [terkenal] sebab *tu* [itu] saya kata bukan artis. Dan bukan untuk *glamour* [terkenal] dan tidak *glamour* [terkenal]. Bagi saya bukan untuk *glamour* [terkenal]. Kenyataannya tidak *glamour* [terkenal]. Pasal kita hanya orang dikir. Satu nyanyian rakyat Kelantan, yang tidak--- yang seadanya, yang tidak hebat. Sebab itu saya tidak suka orang sebut saya artis. (Bunyi suara orang berbual) *Pasal* [sebab] orang dikir sebenarnya rupa *tak* [tidak] comel dan *tak* [tidak] muda, dan tidak suara sedap *pun* [juga] boleh dikir. Tetapi artis mesti comel mesti muda

dan mesti suara sedap. Dia boleh menjadi artis. *Tapi* [tetapi] ada artis tidak boleh jadi dikir, bagi saya “*Kalau engkau tidak ada fikiran, engkau tidak boleh berdikir*”. *Engkau mesti ada tiga*[3] *itu, kau mesti boleh jadi artis. Tapi kalau nak jadi* [mahu jadi] *dikir kau mesti ada satu* [1], “*Tak pa lah* [tidak apalah] *kalau tak dak tiga pun* [tidak ada tiga pun]” *iaitu permikiran yang baik. Pemikiran itu apa? Itu kau kena belajar. Baca buku, belajar sekolah, belajar universiti, lepas itu berdikir, melakukan pembacaan dengan buku, baru boleh jadi orang dikir bagi saya. Kalau tidak biasa la. Jadi artis mudah.* (Sambil bermonolog) (Bunyi orang berbual)

AR : **Adakah kisah hidup encik disiarkan dalam mana-mana media massa, elektronik dan sebagainya?**

HY : Banyak. Saya ada dekat rumah saya *tu* [itu], saya buat *laminat dah* [sudah] potongan akhbar *tu* [itu]. Banyak *jugak* [juga].

AR : **Boleh encik kongsi terbitan apa yang pernah terbitkan kisah hidup encik? Adakah orang buat untuk *thesis* [tesis] atau kajian ke?**

HY : Bukan. *Hok tu* [yang itu] suratkhbar sahaja. *Thesis* [tesis] banyak. Thesis [tesis] ada seperti *thesis master* [tesis ijazah sarjana muda], *tapi* [tetapi] dia *tak* [tidak] bagi saya salinan_ dekat *UPM* [Universiti Putra Malaysia] ada. *Thesis* [tesis] ijazah pertama ada. Macam *hok* [yang] awak buat ada *dua* [2], *tiga* [3] orang. Keratan-keratan akhbar ada. Keratan ilmiah pun ada. Keratan ilmiah ada dua tema dan persoalan dalam lirik lagu Halim Yazid.

TAMAT BAHAGIAN C

SENARAI SOALAN

- 1 : Apakah nama penuh encik?
- 2 : Apakah nama samaran encik yang biasa dipanggil oleh orang sekeliling?
- 3 : Bilakah tarikh kelahiran dan umur encik sekarang?
- 4 : Di manakah tempat kelahiran encik?
- 5 : Adakah Kelantan negeri kelahiran encik?
- 6 : Encik berasal dari daerah mana?
- 7 : Apakah pekerjaan sekarang encik?
- 8 : Pada tahun bila encik mula berkhidmat?
- 9 : Di manakah tempat encik bekerja?
- 10 : Sudah berapa lamakah encik bekerja?
- 11 : Apakah pekerjaan dahulu encik?
- 12 : Sudah berapa lama encik bekerja sebelum memegang jawatan sekarang?
- 13 : Apakah pengalaman encik sepanjang bekerja?
- 14 : Apakah nama isteri encik?
- 15 : Berapakah umur isteri encik?
- 16 : Apakah pekerjaan isteri encik?
- 17 : Di manakah tempat isteri encik bekerja?
- 18 : Bagaimanakah encik boleh berkenalan dengan isteri encik?
- 19 : Isteri encik berasal dari mana?
- 20 : Sudah berapa lamakah encik sudah kahwin?
- 21 : Berapakah bilangan cahaya mata encik?
- 22 : Encik mempunyai berapa orang anak perempuan dan anak lelaki?
- 23 : Apakah nama samaran encik yang biasa dipanggil oleh orang sekeliling?

- 24 : Bilakah tarikh kelahiran dan umur encik sekarang?
- 25 : Di manakah tempat kelahiran encik?
- 26 : Adakah Kelantan negeri kelahiran encik?
- 27 : Encik berasal dari daerah mana?
- 28 : Apakah pekerjaan sekarang encik?
- 29 : Pada tahun bila encik mula berkhidmat?
- 30 : Di manakah tempat encik bekerja?
- 31 : Apakah nama anak-anak encik?
- 32 : Adakah mereka sudah berkahwin?
- 33 : Apakah tahap pendidikan anak-anak encik?
- 34 : Adakah anak-anak encik masih belajar?
- 35 : Dimanakah mereka tinggal sekarang?
- 36 : Apakah nama ibu dan ayah encik?
- 37 : Adakah mereka masih hidup?
- 38 : Berapakah umur mereka?
- 39 : Adakah mereka berasal dari Kelantan juga?
- 40 : Adakah mereka menetap di Kelantan?
- 41 : Di manakah encik mendapat pendidikan awal?
- 42 : Seterusnya di mana encik melanjutkan pelajaran?
- 43 : Apakah pencapaian tertinggi encik dalam bidang pendidikan?
- 44 : Bagaimanakah sikap ibu dan bapa encik dalam soal pendidikan?
- 45 : Apakah kenangan manis encik sewaktu zaman persekolahan?
- 46 : Apakah kenangan yang tidak dapat dilupakan oleh encik sewaktu zaman

persekolahan?

- 47 : Apakah gelaran encik pada zaman sekolah dahulu?
- 48 : Pada pendapat encik, sejak bilakah dikir barat ini mula wujud?
- 49 : Pada pendapat encik, dikir barat ini berasal dari mana?
- 50 : Apakah asal usul dikir barat?
- 51 : Mengapakah lagu dikir barat banyak dinyanyikan di kawasan Pantai Timur sahaja?
- 52 : Kenapakah Kelantan begitu sinonim dengan dikir barat?
- 53 : Di Kelantan, kawasan manakah yang terkenal dengan persembahan dikir barat ?
- 54 : Apakah peranan sebenar pendikir dalam menyampaikan lagu dan semasa melakukan persembahan?
- 55 : Apakah gelaran bagi ahli kumpulan yang turut sama melakukan rentak dan tari semasa persembahan dikir barat dilakukan?
- 56 : Dalam kalangan ahli kumpulan encik, apakah peranan mereka semasa melakukan persembahan?
- 57 : Adakah setiap gerak dan tari dikir barat itu berbeza dan mempunyai maksud sendiri?
- 58 : Mengapakah hanya kaum lelaki sahaja yang terlibat dalam persembahan dikir barat?
- 59 : Peralatan apakah yang selalu digunakan ketika melakukan persembahan dikir barat?
- 60 : Pernahkah encik mengenali pendikir barat lama yang tersohor Kelantan?

- 61 : Siapakah nama-nama mereka?
- 62 : Adakah pendikir-pendikir barat ini masih hidup?
- 63 : Adakah di Kelantan,encik sering mendapat jemputan membuat persembahan?
- 64 : Selalunya,persembahan dikir barat ini dipersembah atas tujuan apa? Sama ada majlis kenduri atau keraian?
- 65 : Berapa lamakah sering kali satu persembahan dikir barat akan dipersembahkan?
- 66 : Apakah nama gelaran encik semasa bergiat dalam dikir barat?
- 67 : Sudah berapa tahun encik bergiat secara aktif dalam bidang dikir barat?
- 68 : Sudah berapa lama encik menceburi bidang dikir barat?
- 69 : Sejak bila encik belajar berdikir?
- 70 : Bagaimanakah penerimaan keluarga encik terhadap minat encik dalam dikir barat?
- 71 : Siapakah yang mendorong encik menceburi bidang dikir barat?
- 72 : Bagaimana encik boleh menceburi bidang dikir barat?
- 73 : Adakah menjadi pendikir merupakan cita-cita encik?
- 74 : Apakah kisah latar belakang encik sebelum bergelar pendikir barat?
- 75 : Selain bidang seni,adakah encik bergiat aktif dalam bidang lain?
- 76 : Bagaimana encik membahagikan masa antara kerja dan menjadi pendikir?
- 77 : Apakah lagu pertama yang didendangkan sewaktu mula menceburi bidang berdikir?
- 78 : Adakah setiap lagu yang ditulis mempunyai kisah disebalik nukilannya?

- 79 : Sebagai contoh tajuk dikir barat “diri ambo” Bakit Asal, adakah berkait rapat dengan kisah hidup tuan?
- 80 : Apakah yang mengilhamkan encik menulis lagu bertajuk Tupai?
- 81 : Adakah lagu Tupai pernah menjadi lagu track untuk mana-mana filem tempatan?
- 82 : Siapakah penulis lirik lagu Tupai?
- 83 : Bilakah lagu Tupai dirakamkan?
- 84 : Adakah lagu Bakit Asal berkisar mengenai kisah hidup encik?
- 85 : Di mana kebiasaannya encik membuat persembahan?
- 86 : Sehingga kini sudah berapa kali encik dipanggil untuk membuat persembahan dalam sebulan?
- 87 : Lagu dikir barat yang mana satu menjadi pilihan encik setiap kali melakukan persembahan?
- 88 : Berapakah bayaran yang dikenakan bagi setiap pesembahan?
- 89 : Berapa banyak lagu dikir barat yang telah dinyanyikan sepanjang encik bergelar pendikir?
- 90 : Adakah encik mempunyai kumpulan atau bergerak berseorangan?
- 91 : Adakah encik mempunyai rakan rapat dalam dikir barat?
- 92 : Adakah encik pernah merekodkan album dikir barat(single)?
- 93 : Apakah tajuk album dikir barat encik?
- 94 : Berapakah unit album yang telah dijual?
- 95 : Apakah nama tajuk album lagu yang paling laris dijual?
- 96 : Adakah setiap lagu encik,direka sendiri atau dibuat khas oleh orang lain?

- 97 : Apakah kenangan manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang bergelar artis dikir barat?
- 98 : Apakah kenangan pahit yang tidak dapat dilupakan sepanjang bergelar artis dikir barat?
- 99 : Apakah halangan yang terpaksa ditempuhi sepanjang menceburi dikir barat?
- 100 : Adakah encik pernah membawa persembahan dikir ke luar Negara?
- 101 : Pernahkah encik mendapat sebarang anugerah sepanjang penglibatan dalam dikir barat?
- 102 : Apakah anugerah yang pernah encik perolehi?
- 103 : Bilakah tarikh encik mendapat anugerah?
- 104 : Apakah harapan encik dalam dikir barat?
- 105 : Apakah encik masih bergiat aktif dalam dikir barat?
- 106 : Adakah encik masih menerima tempahan untuk melakukan persembahan?
- 107 : Apakah tajuk lagu yang encik paling gemari?
- 108 : Adakah dikir barat ini merupakan sumber pendapatan atau sebagai hobi sahaja?
- 109 : Adakah anak-anak encik mempunyai minat dalam dikir barat dan mengikuti jejak encik sebagai pendikir barat?
- 110 : Adakah encik melakukan latihan setiap kali melakukan persembahan?
- 111 : Apakah perasaan encik semasa melakukan persembahan dikir barat?
- 112 : Apakah lagu yang paling digemari oleh peminat dan sering diminta didendangkan oleh mereka setiap kali melakukan persembahan?

- 113 : Di antara persembahan yang pernah encik lakukan,yang mana satukah encik paling ingati dan tidak pernah lupakan?
- 114 : Berapa ramai ahli kumpulan encik setiap kali melakukan persembahan?
- 115 : Adakah menjadi pendikir ini merupakan warisan turun-temurun dari ayah atau ahli keluarga encik?
- 116 : Apakah pendapat encik mengenai generasi muda sekarang terhadap dikir barat?
- 117 : Pada pendapat encik,adakah generasi kini mengenali dan mengetahui tentang dikir barat kerana mereka lebih terdedah kepada perubahan kemodenan yang kian pesat?
- 118 : Adakah encik mempunyai waris atau penyambung warisan dikir barat ini sama ada anak encik atau anak-anak didik encik dalam kumpulan?
- 119 : Apakah harapan encik dalam menyebarkan seni budaya tradisional ini dalam masa akan datang?
- 120 : Adakah encik sering kali dijemput oleh pihak media seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi melakukan persembahan?
- 121 : Adakah anak-anak encik ada yang menunjukkan minat menjadi pendikir suatu hari kelak?
- 122 : Pada pendapat encik,bagaimanakah cara untuk mengekalkan dikir barat sebagai salah satu halwa telinga atau dendangan supaya tidak lupus dalam kalangan masyarakat sekarang?
- 123 : Adakah encik mempunyai *facebook, twitter* atau *instagram*?
- 124 : Bagaimanakah encik berhubung dengan peminat-peminat encik?

- 125 : Adakah encik mempunyai *fanclub* encik sendiri?
- 126 : Apakah nama *fanclub* encik?
- 126 : Bagaimanakah hubungan encik dengan para wartawan?
- 127 : Pernahkah kisah hidup encik menjadi pendikir disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau media elektronik?
- 128 : Bolehkah encik kongsi nama atau terbitan mana-mana akhbar, majalah atau media elektronik tersebut?
- 129 : Adakah anak-anak encik ada yang menunjukkan minat menjadi pendikir suatu hari kelak?

LOG TEMURAMAH

LOG TEMURAMAH

Nor Amelia Rahim dan Nur Hasyimah Binti Yahya telah menemubual Encik Abdul Halim Yazid atau lebih dikenali sebagai Encik Halim Yazid yang merupakan seorang pendikir. Beliau dilahirkan pada tahun 1960 di Kampung Changal, Pasir Puteh, Kelantan. Temubual ini telah dijalankan di sebuah restoran di Pengkalan Chepa, Kelantan. Sesi temubual dijalankan untuk mengetahui pengalaman beliau sepanjang bergelar seorang pendikir yang masyhur di Kelantan dan seluruh Malaysia.

MASA	SUBJEK	NAMA YANG SESUAI
	Bahagian A	
01:25	Menceritakan perihal latar belakang diri Encik Halim Yazid	Profil Encik Halim Yazid
03:09	Mengenai pekerjaan semasa	Jawatan semasa Encik Halim Yazid iaitu Pegawai Kebudayaan di bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya
05:53	Mengenai latar belakang keluarga dan penglibatan awal Encik Halim Yazid	Kampung Cangal Pasir Puteh

	dalam dikir barat	Melalui bermain gong di Gual Ipoh, Gual Ipoh Tanah Merah
16:17	Menceritakan zaman persekolahan (Sekolah Rendah dan Menengah)	Sekolah Kebangsaan Cangal, Pasir Putih Gual Ipoh Sekolah Menengah Rendah Pasir Putih Sekolah Menengah Tok Janggut Sekolah Menengah Kamil
	Bahagian B	
27:49	Pendapat beliau mengenai dikir barat	Asal usul dikir barat dari Narathiwat , Pulau Tebu, ciptaan Mat Leh Tapan, Tapan Kota Bharu, dikir Labo
1:01:40	Perihal kehidupan sepanjang bergelar seorang pendikir barat	Tiga ribu kali pernah naik

		<p>pentas melakukan persembahan</p> <p>Tiga puluh tiga tahun terlibat secara bersungguh-sungguh dikir barat</p>
1:44:04	Kenangan manis dan pahit sepanjang bergelar pendikir	Kenangan manis disayangi oleh ramai peminat beliau
	Bahagian C	
1:47:13	Anugerah yang pernah dirangkul	Gelaran Dato' yang diberi oleh peminat
1:59:32	Pendapat mengenai generasi muda sekarang terhadap dikir barat	Ada orang mengguna nama beliau untuk benda-benda yang tidak sepatutnya

2:09:37	Cara berhubung dengan peminat	Facebook
---------	-------------------------------	----------

INDEKS

A

Al-Fatihah, 83

anak, 8, 9, 10, 12, 18, 56, 57, 64, 67, 77,
80, 81, 85, 86, 87, 88, 95, 96, 101, 102,
103

Anak Tupai Baru, 62

anugerah, 19, 76, 100

Anugerah, 76, 107

ANUGERAH, 76

asal, 4, 12, 20, 24, 25, 26, 27, 28, 55, 97

awok-awok, 14, 29, 32, 34, 36, 44, 83

Ayah, 11, 12

B

bakit asal, 20

Bakit Asal, 42, 64, 99

bayaran, 67, 99

Blues, 46, 54, 82

C

Compact disc, 73

D

Dikir, 26

F

Facebook, 50, 67, 72, 74, 75, 76, 76, 85,
90, 91, 107

G

Group Blues, 83, 83

Gual Ipoh, 13, 15, 61, 106, 106

H

Haji Mat Leh, 25

Halim, 3

hubungan, 91, 102

I

Ilham, 63

internet, 72, 75, 90

isteri, 7, 9, 59, 66, 95

J

Jawatan, 4, 105

K

Kampung Cangal, 4, 12

kebudayaan, 4, 5, 6

Kedah, 35, 43, 62, 86

Kelab Peminat, 90

Kelantan, 2, 4, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 21,
24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 35,
37, 40, 41, 42, 43, 53, 54, 55, 55, 61,
64, 70, 71, 77, 87, 92, 95, 96, 97, 98,
105

kenangan manis, 19, 21, 74, 96, 100

Keperitan di Rimba, 62

King Edward, 82

Kota Bharu, 8, 10, 24, 27, 28, 106

kumpulan, 13, 23, 27, 29, 30, 30, 32, 34,
35, 37, 38, 41, 52, 54, 58, 61, 69, 81,
82, 83, 97, 100, 101, 102

kursus, 2, 7, 13, 15

L

LAMPIRAN, 111

lirik, 56, 58, 59, 62, 63, 64, 65, 66, 93, 99

lisan, 2, 25

LOG TEMURAMAH, 104, 105

M

Machang, 2

Mak Yong, 27

Mat Leh, 24, 25, 28, 41, 106

media massa, 92

menyambung, 87

merekodkan, 70, 71, 100

P

Pasir Puteh, 4, 11, 12, 15, 17, 22, 28, 105,
106

pegawai, 4, 5, 6, 75

pekerjaan, 4, 5, 95, 96, 105

pelajar, 4, 6, 7, 13, 17, 55, 87

PENCAPAIAN, 76

pendikir, 3

pendokumentasian, 2

pengalaman, 3, 6, 59, 84, 95, 105

Pengkalan Chepa, 4, 8, 11, 77, 105

persembahan, 6, 13, 23, 28, 34, 35, 41,
42, 43, 44, 46, 52, 57, 58, 59, 60, 67,
70, 79, 81, 82, 82, 83, 89, 97, 98, 99,
100, 101, 102, 107

Petunjuk, 2

Pulau Tebu, 24, 106

- R**
- rakam, 65
- RTM, 27, 53, 56, 78, 89, 102
- RUJUKAN, 110**
- S**
- sejarah, 2
- Sijil Pelajaran Malaysia, 15
- Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia, 22
- T**
- Tanah Merah, 13, 15, 27, 28, 33, 61, 106
- tesis, 25, 92
- tok bidan, 29
- TOKOH, 2**
- Tun Razak, 61
- Tupai, 42, 62, 62, 63, 64, 65, 66, 71, 73,
83, 85, 99
- U**
- UiTM, 2
- umur, 3
- Universiti Malaya, 4, 5, 6, 7, 9, 15, 17,
52, 57, 57, 67, 87, 105
- V**
- video klip, 10, 79
- W**
- warisan, 88, 101, 102
- wartawan, 91, 102
- wawancara, 2, 47

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan

Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
ABDUL HALIM HADID
Pengkisah

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA.

